

BAB SATU

BAB I

STRATEGI DAKWAH RASULULLAH DALAM MEMBENTUK NEGARA

2

1.1. PENDAHULUAN

Islam merupakan satu agama yang lengkap dan sempurna. Kesyunulan Islam ini dapat dibuktikan melalui ajarannya yang merangkumi semua aspek dan dimensi kehidupan manusia samada melibatkan keperluan rohani maupun jasmani, duniawi dan ukhrawi. Dalam menyingkap kesempurnaan dan kesyunulan Islam, ia dapat dibuktikan berdasarkan banyak firman Allah (s.w.t.). Antaranya ialah firman Allah (s.w.t.) yang bermaksud:

“Pada hari ini telah Ku sempurnakan untuk kamu agamu kamu, dan telah Aku cukupkan untuk kamu akan nikmat-nikmatKu, dan telah Aku reda Islam itu menjadi agama kamu”

(Terj. *Sūrah al-Mā’idah*: (5): 3)

Pada ayat di atas, *al-Biqā’i* (M. 885H), menjelaskan bahawa Allah (s.w.t.) menjadikan produk Islam sebagai *al-Dīn*, iaitu satu sistem hidup bagi manusia. Ia lengkap dan sempurna dengan merangkumi semua aspek dan dimensi kehidupan manusia, samada dalam konteks hubungan manusia dengan Allah maupun hubungan manusia sesama mereka.¹ Dalam konteks hubungan manusia dengan Allah, ia dapat dilihat terutama pada ibadah-ibadah yang bersifat asas seperti

¹al-Biqā’ie, Burhān al-Dīn Abiy al-Hasan Ibrāhīm bin ‘Umar, (1995), c. 1, *Nazam al-Duran, fi Tanāsub al-Āyāt al-Suwar*, j. 2, Lubnan, Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 392.

solat, puasa, zakat, haji dan lain-lain lagi. Manakala urusan manusia sesama manusia pula dapat diperhatikan apabila Islam sentiasa berbicara dan memperincikan aspek-aspek keperluan hidup manusia di semua lapangan seperti *munākahāt*, *jināyāt*, *mu'āmalāt*, *siyāsah*, *iqtisād* dan banyak lagi.

4

Dalam bidang *siyāsah* pula, perbincangan banyak tertumpu kepada hal-hal yang berkaitan dengan pemerintahan Islam, urusan mentadbir negara, sistem syura, konsep *ahl al-hal wa al-'Aqd* dan lain-lain lagi. Pada bab satu ini, kajian akan difokuskan kepada strategi-strategi dakwah yang dirangka oleh Rasulullah (s.a.w.) dalam usaha membentuk negara. Bagi memenuhi kajian tersebut, pecahan dibuat dengan membahagikan strategi-strategi berkenaan kepada dua bentuk strategi utama, iaitu strategi jangka panjang dan strategi jangka pendek.

1.2 KONSEP STRATEGI DAKWAH

Menurut Collins, strategi mempunyai dua makna iaitu satu pelan umum untuk mencapai sesuatu matlamat khususnya untuk jangka masa panjang, atau seni dalam merancang untuk mencari jalan terbaik bagi memperolehi kelebihan atau mencapai kejayaan, khususnya dalam peperangan². Manakala Kamus Dwibahasa Oxford Fajar menjelaskan bahawa strategi bermaksud suatu perancangan dan pengurusan yang baik untuk mencapai tujuan tertentu³. Kamus Dewan pula mendefinisikan strategi dengan maksud sebarang muslihat yang

² Collins, (1995), *Cobuild English Dictionary* (new edition), Harper Collins, London, h. 1648.

³ Joyce M. Hawkins, (2000), *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar*, c. 17, Penerbit Fajar Bakti, Shah Alam, h. 1889.

dioperasikan, pendekatan utama yang digunakan secara bersepada atau rancangan yang rapi dan teratur bagi mencapai sesuatu maksud atau tujuan.⁴

Dalam kajian ini, penulis akan merujuk kepada semua konsep strategi yang diperkenalkan di atas. Ini kerana ketiga-tiga konsep tersebut dilihat saling berkaitan antara satu sama lain. Justeru, melalui paparan di atas dapatlah dirumuskan bahawa strategi bermaksud suatu perancangan rapi dan tersusun melalui pendekatan-pendekatan tertentu bagi menghasilkan kejayaan samada di peringkat jangka masa pendek maupun panjang.

Manakala perkataan dakwah mempunyai maksud dan konsepnya yang luas dan tersendiri. ‘Aliy Maḥfūz mentakrifkan dakwah dengan maksud proses menyeru manusia kepada kebaikan dan hidayah Allah serta menyuruh membuat makruf dan melarang melakukan perkara mungkar.⁵ Manakala Kamus Dewan pula menghuraikan dakwah dengan kegiatan menyeru dan meyakinkan orang lain supaya menerima sesuatu kepercayaan.⁶ Seterusnya seorang tokoh pendakwah, ‘Abd Halīm Maḥmūd menjelaskan bahawa dakwah ialah proses mengajak manusia ke jalan Allah dengan dimainkan peranannya oleh pendakwah.⁷

Dalam penyelidikan ini penulis akan mengadaptasikan konsep dakwah dengan menerima pakai kesemua pendapat di atas. Ini kerana kesemua pernyataan tersebut saling lengkap melengkapinya antara satu sama lain. Oleh itu,

⁴ Hajah Noresah bt Baharom, (1998), *Kamus Dewan* (edisi ketiga), c. 4, Dewan Bahasa dan Puataka, Kuala Lumpur, 1304.

⁵ Aliy Maḥfūz, (1958), *Hidāyah al-Mursyidiñ*, Qaherah: Maṭba’ah ‘Uthmāniyyāh, h. 170.

⁶ *Kamus Dewan*, (1998), *op-cit*, h. 264.

⁷ ‘Aliy ‘Abd Halīm Maḥmūd, (1992), *Fiqh al-Dā’wah al-Fardiyah*, Dār al-Wafā’, h. 25.

konsep dakwah dirumuskan sebagai proses dan usaha menyeru, meyakin dan mempengaruhi manusia melalui seni ilmunya yang tersendiri demi memperolehi kebaikan dan kebahagiaan dunia dan akhirat serta menyelamatkan mereka dari kesesatan atau kebinasaan.

4

Sebagai kesimpulan dapatlah dirumuskan bahawa strategi dakwah bermaksud suatu perancangan rapi dan tersusun, dengan menggunakan pendekatan-pendekatan tertentu bagi menghasilkan kejayaan dan kebahagiaan hakiki di dunia maupun akhirat. Di samping ia mempunyai jangkamasa tertentu untuk dicapai samada berbentuk jangka masa pendek maupun panjang. Kesimpulan daripada konsep inilah yang akan memandu perbincangan dalam kajian yang berkaitan dengan konsep strategi dakwah Parti Islam SeMalaysia.

1.3 STRATEGI JANGKA PANJANG

Strategi jangka panjang bermaksud sebarang usaha dan perancangan yang dilaksanakan dengan penuh teliti dan terancang bagi mendapatkan hasilnya. Selalunya hasil strategi jangka panjang hanya akan diperolehi setelah berlalu tempoh masa yang agak panjang.⁸

Melalui analisis dalam bentuk induktif terutama melalui metod perpustakaan, didapati bahawa Rasulullah (s.a.w.) sememangnya menyediakan suatu bentuk strategi jangka panjang bagi membentuk negara Islam. Dalam kajian ini, data-data yang diperolehi akan dideduktifkan kepada tajuk-tajuk kecil untuk

⁸ Hajah Noresah bt Baharom, (1998), *op-cit*, h. 517.

dianalisis secara lebih fokus. Antara yang utama ialah strategi Rasulullah (s.a.w.) dengan mempamer ketokohan kepimpinan, menyebar kesedaran, memantap tarbiyah, memperkenal khidmat masyarakat, berhijrah, memaksima peranan masjid, memperteguh perpaduan nasional, membentuk perlombagaan negara, memperkenal pengagihan kuasa, menghormati undang-undang, mendapat pengiktirafan dan mempertahan prinsip kedaulatan.

1.3.1 Mempamer Ketokohan Kepimpinan

Dalam usaha menjadi pemimpin yang disegani khususnya di peringkat sesebuah negara, ketokohan kepemimpinan memainkan peranan yang sangat besar apatah lagi dalam usaha membentuk imej negara. Dalam konteks ini, kajian mendapati Rasulullah (s.a.w.) telah menggarap strategi dengan berusaha mempersiapkan diri dengan nilai dan ketokohan yang unggul sebagai seorang pemimpin. Di antaranya Rasulullah (s.a.w.) berjaya menzahirkan sifat kebijaksanaan dalam pengurusan, berwawasan dalam merancang tugas, mampu mengendali masalah dengan jayanya serta amanah dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab.

Ini dapat dibuktikan melalui beberapa peristiwa penting yang berlaku. Antaranya ketika usaha membaiki kaabah yang rosak akibat banjir besar yang berlaku di Mekah, di mana setelah pembaikian hampir siap, berlaku perselisihan pendapat di kalangan kabilah-kabilah Arab Mekah dalam menentukan siapakah yang paling layak meletakkan *hajar aswad* ke tempat asal. Masing-masing berebut untuk mendapatkan hak tersebut. Perselisihan pendapat itu hampir

membawa pertumpahan darah. Walaubagaimanapun keadaan dapat dikawal apabila masing-masing bersetuju untuk mencari seorang hakim yang akan menyelesaikan konflik mereka.

Akhirnya masing-masing bersorak gembira apabila mengetahui bahawa yang bakal mengadili kes mereka ialah Rasulullah (s.a.w.). Ini kerana mereka semua mengenali peribadi Rasulullah (s.a.w.) sebagai seorang yang cerdik dan bijaksana. Nabi (s.a.w.) menyelesaikan masalah tersebut dengan Baginda (s.a.w.) sendiri mengangkat *hajar aswad* lalu meletakkannya di atas sehelai kain yang dihamparkan. Ia diikuti dengan memanggil wakil setiap kabilah memegang setiap penjuru kain. Lantas diangkat kain sehingga menghampiri tempatnya yang asal. Sejurus itu, Rasulullah (s.a.w.) sekali lagi mengangkat dan meletakkan *hajar aswad* ke tempat asalnya.⁹

Tindakan Rasulullah (s.a.w.) amat diterima baik oleh kabilah Arab yang bertelingkah dan masing-masing berpuas hati dengan keputusan Rasulullah (s.a.w.) Gambaran ini cuba mempamerkan ketokohan Rasulullah (s.a.w.) sebagai seorang pemimpin yang bukan sahaja mampu menyelesaikan konflik semata-mata, bahkan memiliki *skill* yang tinggi dalam menyelesaikan masalah. Semasa persiapan hijrah ke Madinah, Rasulullah (s.a.w.) mengamanahkan kepada ‘Aliy bin Abiy Tālib (M. 40H) untuk menyerahkan semua barang-barang *wadi’ah* (simpanan) kepada pemiliknya masing-masing. Realiti ini mempamerkan suatu nilai yang amat menakjubkan, iaitu dalam suasana Rasulullah (s.a.w.) dicemuh, dihina, diboikot dan seumpamanya oleh masyarakat Quraisy, namun dalam masa

⁹ al-Būtiy, Sa’id Ramadān, (1989), *Fiqh al-Sīrah al-Nabawiyah*, c. 17, Dimasykh: Dār al-Fikr, h. 106.

yang sama, di kalangan mereka juga yang menaruh kepercayaan penuh pada Rasulullah (s.a.w.) sehingga sanggup menyimpan mengamanahkan Rasulullah (s.a.w.) untuk menyimpan barang-barang mereka yang berharga.¹⁰

Realiti ini berjaya mempromosi keperibadian Rasulullah di kaca mata kawan maupun lawan sebagai seorang yang mempunyai sifat amanah yang amat tinggi. Dalam perkembangan lain ketika berlaku perdamaian Hudaibiyah terdapat beberapa syarat perdamaian yang pada zahirnya seakan-akan lebih menguntungkan pihak musuh. Umpamanya sesiapa di kalangan Quraisy yang berhijrah ke Madinah lantaran mengikuti Rasulullah (s.a.w.), namun tidak mendapat keizinan walinya (majority wali ialah orang-orang kafir Quraisy), maka hendaklah dipulangkan kepada walinya. Manakala mana-mana kaum muslimin yang melarikan diri kepada pihak Quraiysh tidak dikembalikan kepada Rasulullah (s.a.w.)¹¹

Pada perenggan yang lain pula dinyatakan bahawa sesiapa yang ingin mengadakan ikatan perjanjian dengan pihak Islam, maka bolehlah ia melakukannya dan sesiapa yang mahu mengadakan ikatan perjanjian dengan pihak Quraiysh, juga boleh berbuat demikian.¹²

¹⁰ *Ibid*, h. 186.

¹¹ Perdamaian Hudaibiyah ialah satu perjanjian di antara Rasulullah dengan pemimpin Quraysh yang berlaku pada tahun ke-6 hijrah. Maklumat lanjut sila lihat Al-Mubārakāfūriy, al-Syāikh Ṣafiy al-Rahmān, (1990), *al-Rahiq al-Makhtūm Bahth fi al-Sīrah, al-Nabawiyah, 'Alā Ṣāhibihā Afḍal al-Solāh wa al-Salām*, al-Maktabah al-Qimah, / Maktabah al-Ṣāḥabiyah, Jeddah, h. 398.

¹² *Ibid*, h. 318.

Perjanjian Hudaibiyah asasnya mendapat bangkangan dari sebahagian besar sahabat-sahabat Rasulullah (s.a.w.) termasuk Abū Bakr (M 13H), dan 'Umar (M. 23H). Namun setelah perdamaian ini berlangsung terbukti banyak keuntungan mula diperolehi oleh kaum muslimin. Antaranya ialah bagi kaum muslimin yang dipaksa pulang ke Mekah, mereka boleh meneruskan dakwah di sana. Justeru walaupun mereka dipaksa pulang, tetapi dapat terus menyebarkan Islam di Mekah. Berbeza keadaan mereka yang pulang ke pangkuhan masyarakat Quraiysh, di mana mereka ini sebenarnya berpaling tadah dari Islam dan akhirnya menjadi murtad, maka Islam tidak memerlukan mereka lantaran kemurtadan mereka.

Berkaitan keizinan mengadakan perjanjian dengan mana-mana pihak yang dikehendaki, ini membolehkan Rasulullah (s.a.w.) melebarkan pengaruh Islam kepada mana-mana kabilah-kabilah tanpa apa-apa gangguan. Termasuklah perjanjian senjata membolehkan Rasulullah (s.a.w.) dan para sahabat berdakwah tanpa menghadapi apa-apa gangguan khususnya dari musuh Islam.

Daripada paparan di atas jelas menunjukkan bagaimana Rasulullah (s.a.w.) telah mengambil peluang dari setiap kesempatan yang berlaku untuk menonjolkan keperibadian seorang pemimpin yang unggul. Justeru tidak pelik apabila Rasulullah (s.a.w.) secara sebulat suara dilantik menjadi pemimpin tertinggi negara setibanya Rasulullah (s.a.w.) di Madinah.

1.3.2 Menyebar Kesedaran

Strategi seterusnya ialah menyebarluaskan kesedaran Islam kepada masyarakat secara berterusan. Usaha ini dibuat seawal Rasulullah (s.a.w.) menerima wahyu dā'iripada Allah (s.w.t.). Menurut al-Tabariy (M. 310H), sebaik sahaja turunnya wahyu dari surah *al-muddaththir*, Rasulullah (s.a.w.) tanpa berlengah terus menjalankan tanggungjawab berdakwah kepada masyarakat.¹³ Pendapat ini disokong oleh Syed Qutb dengan menambah bahawa surah *al- al-muddaththir* merupakan titik mula kepada dakwah Rasulullah (s.a.w.) dalam menyebarluaskan Islam sebagai *way of life* kepada seluruh masyarakat.¹⁴

Dakwah Rasulullah (s.a.w.) digerakkan dengan cara yang lebih pro-aktif apabila baginda (s.a.w.) berkesempatan berdakwah secara terbuka. Ia dimulakan di bukit Šafā' apabila Rasulullah (s.a.w.) memanggil kabilah-kabilah utama yang terdapat di sana seperti Kabilah Fahr, Kabilah 'Adiy, Kabilah 'Abd. Manāf dan lain-lain kabilah dan mengajak mereka kepada Islam. Walaubagaimanapun usaha dakwah Rasulullah (s.a.w.) di bukit Šafā' itu mendapat kecaman yang hebat terutamanya dari Abū Lahb. Namun ia tidak mematahkan semangat Rasulullah (s.a.w.) untuk terus berdakwah¹⁵ Ini terbukti apabila Rasulullah (s.a.w.) terus mengajak lebih ramai lagi kabilah lain kepada Islam seperti Kabilah Ka'ab bin

¹³ al-Tabariy, Ja'far Muḥammad bin Jarīr, (1996), *Tafsīr al-Tabariy, Jāmi' al-Bayān fi ta'wīl al-Qur'ān*, j. 12, c.1, Mesr, Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 297.

¹⁴ Syyed Qutb, *Fī Zilāl al-Qur'ān*, (1992), Mesr, Dār al-Syurūq, j.6, c. 17, h. 3752.

¹⁵ al-Būtiy, Sa'īd Ramadān (1989), *op-cit*, h. 101, 'Abd Allāh Muḥammad bin Ismā'il, bin al-Bukhāriy, *Sahīh al-Bukhārī*, (tt), Qaherah, Dār al-Hadīth, j. 2 h. 702. Muhy al-Dīn al-Qusyāriy, Muslim bin Hajjāj, *Sahīh Muslim*, (1994) , Beirut, Dār al-Ma'rīfah, j. 1, h. 114.

Lu'āiy, Kabilah Mārrah bin Ka'ab, Kabilah 'Abd Syām, Kabilah 'Abd Manāf dan Kabilah 'Abd. Al-Muṭtalib.¹⁶

Strategi menyebar kesedaran ini dibuat secara berterusan tanpa henti, termasuk dengan mengambil kesempatan pada masa-masa perdana. Sebagai contoh, Rasulullah (s.a.w.) mengambil kesempatan pergi ke Mina ketika musim haji untuk terus menyebar kesedaran kepada orang ramai, termasuk mereka yang datang dari luar Mekah, seperti dari Yaman, Syam dan Madinah.¹⁷ Rentetan dari itu, ada di kalangan mereka memeluk Islam. Antaranya ialah Mu'āz bin al-Hāarith, Zaqwān bin 'Abd. Qāys, 'Ubādah bin al-Šāmit (M. 34H), Yazīd bin Thā'labah dan al-'Abbās bin 'Ubādah. Majoriti mereka terdiri dari suku kaum Khazraj. Ramai juga dari kalangan kaum Aūs seperti Abū Hāitham bin al-Tawhā, 'Uwāyid bin Sā'idah dan lain-lain lagi.¹⁸ Peristiwa ini berlaku selepas 11 tahun dari dakwah Rasulullah (s.a.w.) di Mekah, ianya bersamaan dengan tarikh 620 S.M.¹⁹

Untuk kesinambungan penyebaran kesedaran Islam, Rasulullah (s.a.w.) mengutus seorang sahabatnya yang bernama Maṣ'ab bin 'Umair al-'Abdariy ke Madinah, bersama dengan rombongan Aūs dan Khazraj untuk berdakwah dan menyebarkan Islam kepada masyarakat di Madinah.²⁰ Misi penyebaran Islam Maṣ'ab bin 'Umair al-'Abdariy di Madinah berjaya dengan cemerlang, sehinggakan semua penghuni-penghuni rumah di kalangan masyarakat Anṣār

¹⁶ al-Mubārakfūriy, (1990), *op-cit*, h. 93, Al-Bukhariy, (tt), *ibid*. j. 1, h. 385, Al-Tabrīdhy, Waliy al-Dīn Muḥammad bin 'Abd Allāh, *Misykāh al-Maṣābiḥ*, al-Maktabah al-Rahīmah, India, j. 1, h. 460.

¹⁷ Haji merupakan ibadat yang diwarisi secara turun-temurun sejak zaman Nabi Ibrahim r.a. Walaubagaimapun kaum musyrikin pada masa tersebut telah mengubahsuai bentuk ibadat haji, lalu dipadankan dengan unsur-unsur jahiliyah.

¹⁸ Al-Mubārakfūriy, (1990), *op-cit*, h. 169.

¹⁹ *Ibid*.

²⁰ *Ibid*.

memeluk Islam, kecuali rumah Kabilah Umayyah bin Zayd dan Khaṭmah bin Wa'i'l.²¹

Sa'īd Ramaḍān al-Būtiy menjelaskan bahawa usaha Rasulullah (s.a.w.) tersebut merupakanⁱ satu proses yang berterusan bagi membentuk kefahaman Islam serta menjelaskan intipati-intipatinya yang meliputi semua aspek dan dimensi kehidupan sebagai seorang muslim, sekaligus cuba memaparkan Islam sebagai satu model cara hidup yang unggul dan tuntas.²²

Lebih dari itu, Kāmil Salāmah al-Daqṣ menjelaskan bahawa penyebaran dakwah Rasulullah merupakan satu misi yang bersifat jangka panjang dalam strategi dalam membentuk daulah Islamiyah. Ini kerana daulah Islamiyah akan hanya tertegak hasil dari kefahaman yang jelas terhadap agama Islam yang syumul, ditambah dengan kemantapan akidah Islamiyah di dalam jiwa mukmin. Maka proses ke arah tersebut hanya dapat direalisasi melalui penyebaran Islam yang bersungguh-sungguh dan berstrategi.²³

Hal yang sama diutarakan oleh seorang tokoh sarjana Islam, Ahmād b. Ahmād Alūsyh, dalam tulisannya yang berjodol *al-Da'wah al-Islāmiyyah Uṣūluhā wa Wasā'iluhā* menjelaskan bahawa tidak seharusnya dakwah Rasulullah (s.a.w.) dilihat hanya dalam konteks dakwah untuk individu semata-

²¹ Ibn Hisyām, 'Abd al-Malik bin Hisyām, *al-Sīrah al-Nabawiyah*, (1997) j. 1, c. 2. Taḥqīq; Muṣṭafā al-Saqā, Kaherah: Muṣṭafā al-Bābiy al-Halabiy, h. 435-436. Ibn Qayyim al-Jāwziyyah, Syams al-Dīn Abiy 'Abd Allāh Muḥammad bin Abū Bakr al-Damsiqīqy, *Zād al-Ma'ād*, j. 2, h. 51. al-Mubārakfūriy, (1990), *op-cit*, h. 172.

²² al-Būtiy, Sa'īd Ramaḍān, (1989), *op-cit*, h. 100.

²³ al-Daqṣ, Kāmil Salāmah (1994), *Dāwlah al-Rasūl min al-Takwīn Ilā al-Tamkīn*, c. 1, Jordan: Dār 'Ammār, h. 35.

mata, sebaliknya bagi memenuhi misi yang tersirat iaitu membentuk daulah Islamiyah.²⁴

Sebagai kesimpulan, dapatlah dijelaskan bahawa proses menyebarluaskan kesedaran yang dilaksanakan oleh Rasulullah (s.a.w.) yang bermula dari zaman *Makkiyyah* dan kesinambungannya berlangsung ke zaman *Madaniyyah*, bukan sahaja dilihat dalam konteks kewajipan berdakwah semata-mata, sebaliknya ia menterjemahkan satu strategi penting ke arah membentuk negara Islam.

1.3.3 Memantap Tarbiyah

Hasil daripada penyebaran dakwah yang dilaksanakan oleh Rasulullah (s.a.w.), maka ramailah tokoh-tokoh penting yang memeluk Islam. Di antara mereka ialah Abū Bakr bin Quhāfah, ‘Aliy bin Abiy Tālib, Bilāl bin Rabāh (M. 20H), Abū ‘Ubāydah ‘Āmir al-Jarrāh (M. 18H), Abū Salamah bin ‘Abd al-Asad, al-Arqam bin Abiy al-Arqam (M. 53H), ‘Uthmān bin Ma’zūn, serta dua adiknya iaitu Qudāmah, dan ‘Abd Allāh, ‘Abidah bin al-Hārith, Sa’ad bin Zāyid al-‘Adawiy, Khabbāb bin al-Irth (M. 37H), Fātimah binti al-Khaṭṭāb, Khadijah binti Khuwāylid (M. tahun ke-7 sblm Hijrah), dan lain-lain lagi.²⁵

Bagi memastikan mereka ini tidak dibiarkan kosong jiwa dan minda, maka Rasulullah (s.a.w.) menjadualkan mereka dengan program pemantapan pentarbiyan agar kesemua mereka sentiasa terurus dengan Islam serta mempunyai kualiti sebagai seorang muslim. Di antara slot program pemantapan

²⁴ Ghallūsy, Ahmad bin Ahmad, (1987), *al-Da’wah al-Islāmiyyah Uṣūluhā wa Wasā’iluhā*, c, 2, Beirut: Dār al-Kitāb al-Mṣr-Dār al-Kitāb al-Lubnāniy, h. 79.

²⁵ Ibn Hisyām, (1997), *op-cit*, j. 1, h. 245.

tarbiyah ialah mengajar mereka menyucikan jiwa dari sebarang sifat keji dan kotor seperti hasad dengki, ria' takabbur, benci-membenci dan seumpamanya.

Dalam aspek-aspek positif pula diperkenalkan dengan sifat-sifat *mahmūdah* seperti mengutamakan kehidupan akhirat dari dunia, mengutamakan hak dan kepentingan orang lain dari diri sendiri, mengajar memuliakan seseorang, melihat seseorang dengan kacamata kasih-sayang dan lain-lain lagi. Dalam pada itu, mereka juga diberikan motivasi syurga sebagai balasan amal soleh dan ancaman neraka apabila melakukan maksiat dan derhaka kepada Allah (s.w.t.)

Program pemantapan pentarbiyah diteruskan oleh Rasulullah (s.a.w.) dengan mengajar mereka menunaikan solat, sebagai ibadah pertama yang ditunaikan oleh para sahabat.²⁶ Ini termasuklah cara-cara berwuduk bagi menjadikan seseorang itu suci untuk mengadap Allah (s.w.t) Pada masa yang sama, Rasulullah (s.a.w.) turut menganjurkan kepada sahabat agar mereka mengulangi ayat-ayat al-Quran yang diturunkan oleh Jibril kepada Rasulullah (s.a.w.) dengan diiringi huraian dan penjelasan oleh Rasulullah (s.a.w.) untuk diamalkan dalam kehidupan seharian.²⁷ Memandang suasana pada masa tersebut tidak mengizinkan Rasulullah (s.a.w.) menjalankan dakwah secara terbuka, maka program pentarbiyah tersebut dijalankan secara sulit di rumah al-Arqam bin Abiy al-Arqam yang terletak di tepi bukit Safā'. Ia merupakan kawasan pinggiran yang paling strategik untuk dijadikan bilik gerakan ataupun markaz untuk berkumpul bagi manjalankan apa-apa aktiviti.

²⁶ al-Mubārakfūriy, (1990), *op-cit*, h. 89.

²⁷ al-Daqs, (1994), *op-cit*, h. 222-225.

Dalam mengulas perkembangan ini, Kāmil Salamah menjelaskan bahawa program pentarbiyah yang dilakukan oleh Rasulullah kepada para sahabat merupakan satu usaha awal yang penuh hikmah dan berstrategi²⁸. Ia dilihat amat penting terutama bagi menyediakan pekerja-pekerja yang akan bertugas untuk membentuk negara Islam. Memandangkan tugas tersebut merupakan satu tugas yang amat mencabar dan lasak, maka ia tidak akan dapat dilakukan kecuali pada jiwa-jiwa yang telah ditarbiyah dengan iman, kesedaran serta pengorbanan yang tinggi sehingga meletakkan Allah dan Rasul mendahului segala-galanya. Maka platform tarbiyah merupakan landasan yang amat kukuh bagi menghasilkan peribadi-peribadi ulung. Ia dapat dibuktikan dengan lahirnya tokoh-tokoh seperti Khadijah binti Khuwāyid, Abū Bakr, ‘Aliy bin Abiy Tālib, Bilāl bin Rabāh dan ramai lagi yang terbukti telah menggadaikan harta benda, jiwa raga demi untuk Islam.

²⁸ *Ibid.*

1.3.4 Memperkenal Khidmat Masyarakat

Memperkenal khidmat masyarakat bermaksud usaha membantu dan meringankan bebanan yang dihadapi oleh orang lain dengan menggunakan beberapa kaedah dan pendekatan sehingga terhasilnya objektif yang digarapkan²⁹. Dalam konteks perjuangan Rasulullah (s.a.w.) menjadikan program khidmat masyarakat sebagai satu strategi bagi mendapatkan keuntungan politik terutama dalam bentuk sokongan masyarakat bagi memudahkan usaha membentuk negara Islam. Sebagai contoh, Rasulullah (s.a.w.) menganjurkan program *Dār al-Qurrā'*, iaitu program mempelajari al-Quran serta mendalami ilmu-ilmu yang terdapat di dalamnya.³⁰ Program ini dipelopori buat kali pertamanya oleh seorang sahabat yang bernama Mus'ab bin 'Umāyr bertempat di Masjid Nabawiy.³¹

Dalam perkembangan lain, Rasulullah (s.a.w.) turut mendirikan *Suffah*. Ia merupakan tempat tinggal sementara yang dikhaskan untuk beberapa tujuan seperti kediaman sementara untuk seseorang yang baru ke Madinah, tempat bersantai dan seumpamanya.³² Menurut al-Bukhāriy, *Suffah* yang diwujudkan oleh Rasulullah (s.a.w.) tidak hanya untuk kaum lelaki sahaja, sebaliknya turut disediakan buat kaum wanita. Selalunya mereka menjadikan medan *Suffah* itu

²⁹ Muhammad Najib Tawfiq Yūnus, (1984/1404), *Adwā' 'alā al-Ri'ayah al-Ijtīmā'yyah fi al-Islām*, Kaherah: Maktabah al-Anjilo al-Miṣriyyah, h. 47. Lihat juga Muhammad Aḥmad 'Abd al-Hādiy, *al-Khidmāt 'Iyyah al-Islāmiyyah*, (2001), Kaherah: Maktabah Wahbah, h. 20.

³⁰ al-Qurtubiy, Ibn 'Abd al-Barrā' (1338H), *al-İsti'āb al-İsābah*, Kaherah: al-Sa'ādah, j. 12, h. 259-260. Abū Ḥasan 'Aliy bin Muḥammad al-Khuza'i al-Tilmisāniy, (1401/1981M), *Masjid al-'Alā l'lil al-Sunan al-Islāmiyyah*, c. 1, Kaherah, h. 17.

³¹ Ibid.

³² al-Khuza'iyy, Abū Ḥasan 'Aliy bin Muḥammad, al-Tilmisāniy, (1401 H/1981M), *Takhrij Dalālah al-Sam'iyyah*, Kaherah: Majlis al-'A'lā li al-Syu'ūn al-Islāmiyyah, h. 65; al-Kattāniy, 'Abd Al-Ḥay, *al-Tarātib al-Idāriyyah*, (tt), j.1, Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabiyy, h. 40.

sebagai tempat menjalinkan ikatan ukhuwwah dan kasih sayang sesama mereka termasuklah tempat menuntut ilmu pengetahuan.³³

Program khidmat masyarakat seterusnya ialah mewujudkan khidmat kesihatan yang dikenali sebagai *Rufaydah al-Aslāmiyyah*. Nama tersebut diambil sempena seorang *sahābiyyah* yang mempunyai kemahiran dalam rawatan. Beliau berkhidmat sebagai doktor perubatan pada kebanyakan siri peperangan yang berlaku di antara kaum muslimin dengan pihak tentera musuh.³⁴ Melalui khidmat kesihatan *Rufaydah al-Aslāmiyyah* ini, ramai kaum muslimat mulai turut serta mempelajari ilmu perubatan dan rawatan. Perkembangan ini sekaligus menaikkan imej dan reputasi orang Islam ekoran kemampuan mereka mewujudkan program kesihatan yang disifatkan oleh al-Kattāniy sebagai hospital pertama dalam Islam.³⁵

Anwār al-Jūndiy ketika mengulas perkembangan khidmat kemasyarakatan yang dianjurkan oleh Rasulullah (s.a.w.) menjelaskan bahawa strategi ini mempunyai nilai dan prinsipnya yang amat unggul dan berkesan sehingga mampu mempercepatkan proses kemajuan negara Islam Madinah selain ianya bersifat terkini³⁶. Bahkan dunia Eropah hanya mula berfikir tentang tanggungjawab sosial menjelang tahun 1917 M, iaitu 10 kurun lewat daripada apa yang telah dipraktikkan oleh Rasulullah (s.a.w.).³⁷

³³ *Ibid.* Lihat juga al-Kattāniy, *ibid.*, j.2, h. 235.

³⁴ Ibn Hisyām, (1997), *loc-cit*, h. 258. Lihat juga al-Qurtubiy, (tt), *op-cit*, j. 4, h. 353.

³⁵ al-Kattāniy, (tt), *loc-cit*, j.1, h. 453-454. Lihat juga al-Tilmisāniy, (tt), *op-cit*, h. 763.

³⁶ Anwār al-Jūndiy, *al-Qiyām al-Asāsiyyah li al-Fikr al-Islāmiy wa al-Thaqāfiyah al-Gharbiyyah*. (1998), Maṭba'ah al-Risālah, Dimasyk, h. 25.

³⁷ *Ibid.*

Dalam kajian yang dijalankan didapati bahawa khidmat masyarakat tidak hanya tertumpu kepada program-program seperti yang dijelaskan di atas sahaja, sebaliknya tumpuan turut diberikan kepada aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang lain. Sebagai contoh, aktiviti mendeklamasi syair yang dianggap sebagai satu aktiviti kemasyarakatan yang amat penting dan menghiburkan. Hassān bin Thābit dianggap sebagai penyair yang paling menonjol dan terkenal sehingga digelar sebagai penyair Rasulullah (s.a.w.). Kebiasaan program mendeklamasi syair diadakan di lokasi di mana orang ramai sering berkumpul seperti di masjid al-Nabawiy, pasar dan juga di sekitar *Suffah* dan ia mendapat sambutan yang amat menggalakkan³⁸. Selain itu, Rasulullah (s.a.w.) turut menganjurkan program dalam bentuk permainan seperti memanah dan juga melontar lembing. Baginda (s.a.w.) amat mengambil berat tentang kedua-dua permainan ini sehingga dikaitkan dengan *jihād fī sabīl Allāh*. Begitu juga dengan permainan lembing yang kebanyakannya dikuasai oleh orang-orang Islam dari Habsyah. Rasulullah (s.a.w.) mengangkat nilai permainan ini sehingga dijadikan acara rasmi pada hari-hari kebesaran dalam Islam seperti hari raya dan seumpamanya. Bahkan ketika pemerintahan ‘Umar al-Khaṭṭāb, ketika projek memperluaskan masjid Nabawi dijalankan, beliau telah mengistiharkan satu ruang yang diberi nama *al-Buṭāḥā*; suatu tempat yang dikhaskan untuk bersyair dan memanah.³⁹

Daripada paparan di atas, jelas menunjukkan bahawa Rasulullah (s.a.w.) telah menggunakan sepenuhnya program khidmat kemasyarakatan sebagai suatu bentuk strategi bagi mendapatkan sokongan yang sekaligus akan

³⁸al-Bukhāriy, (tt), *op-cit*, j. 1, h. 116. Lihat juga al-Kattāniy, (tt), *op-cit*, j.1, h. 211.

³⁹al-Tāmiriy, ‘Umar Ibn Syāib, (1990), *Tārikh al-Madinah al-al-Munawwarah*, j. 1, Beirut: edaran Dār al-Turāth, h. 34. Lihat juga Mohd Ilyas Abd. Ghani, (1418-1997), *al-Masjid al-Nabawiy al-Syarīf* c. 2, al-Madinah al-Munawwarah: Manū’ah al-L’amiyyah, h. 41-44.

mempercepatkan usaha membentuk negara Islam. Bahkan lebih istimewa apabila program tersebut bersifat semasa dan memenuhi keperluan dan kehendak masyarakat seperti menyediakan khidmat kesihatan ‘*Rufāydhah al-Aslāmiyah*’, perkhidmatan *al-Suffah*, ruang khas mendeklamasi syair, permainan memanah dan leming. Ini akan lebih menimbulkan suasana mesra masyarakat terhadap Islam.

1.3.5 Berhijrah

Memandangkan suasana di Mekah tidak mengizinkan usaha pembentukan negara Islam akibat tentangan berterusan dari kebanyakan masyarakat Quraiysh, maka Rasulullah (s.a.w.) merancang strategi berhijrah, iaitu mencari tapak lain yang lebih sesuai bagi tujuan membentuk negara Islam. Dalam konteks ini strategi berhijrah dianjurkan Rasulullah (s.a.w.). Ia dimulakan melalui hijrah ke Habsyah dengan diketuai oleh Ja'far bin Abiy Tālib (M8 H) bersama 73 kaum muslimin yang lain. Peristiwa tersebut berlaku pada bulan Rejab tahun yang kelima dakwah Rasulullah (s.a.w.) di Mekkah.⁴⁰

Dari perspektif politik, hijrah ke Habsyah dilihat sebagai satu usaha tinjauan terhadap Habsyah samada ia sesuai untuk dijadikan pengkalan bagi ditegakkan negara Islam. Walaubagaimanapun usaha tersebut menemui kegagalan sekalipun Raja al-Najāsyiy (M. th. Ke-6 sblm Hijrah)⁴¹ menerima saja

⁴⁰ Ibrāhīm 'Aliy, (1996), *Saḥīḥ al-Śirāh al-Nabawiyah*, c. 2, Jordan: Dār al-Nafā'iis Al-Jāwziy, al-Imām Hāfiẓ Abū 'Abd Allāh bin Qayyim, (1973), h. 73. *Zād al-Ma'ād*, j. 1, c. 3, Beirut: Dār Fikr, h. 24.

⁴¹ Nama penuh beliau ialah Ashamah. (Sila rujuk al-Dzahabiy, Syam al-Dīn, Muhammad bin Ahmad, (M. 1374 H), (1990), *Sīr Ḥlām al-Nubalā'*, c. 7, taḥqīq, Syu'ib al-'Arna'ut, Mu'assasah al-Risālah, Beirut. j.1, h. 317.

Islam yang dibawa oleh Ja'far bin Abī Tālib, namun ia mendapat tentangan hebat dari rakyat jelata yang tidak mahu kepada Negara Islam.⁴² Akhirnya rombongan tersebut pulang semula ke Mekah. Rentetan kegagalan mendapat tempat di Habsyah, maka strategi berhijrah diteruskan buat kali kedua iaitu menuju ke Taif. Bagi sesi ini Rasulullah (s.a.w.) sendiri dengan ditemani Zāyd bin Ḥārithah berhijrah ke Taif dengan harapan bumi tersebut sesuai untuk diadaptasikan sebuah negara Islam. Peristiwa hijrah ke Taif ini berlaku pada bulan Syawwal, tahun ke 10 dari dakwah Rasulullah (s.a.w.) berlangsung.⁴³

Namun ternyata ia juga gagal. Kemuncak kegagalan dapat dilihat apabila Rasulullah (s.a.w.) dihalau dengan penuh biadap oleh penduduk Kabilah Thaqīf, iaitu kaum yang mendiami Taif. Rasulullah (s.a.w.) terpaksa keluar dari bumi Taif dalam keadaan berlumuran darah kerana dibaling dengan batu, tersiat kulit pipi, patah beberapa potong giginya. Kesimpulannya strategi berhijrah ke Taif juga menemui jalan buntu.

Namun tanpa berputus asa, Rasulullah (s.a.w.) terus merancang untuk berhijrah ke wilayah lain. Untuk berikutnya Madinah menjadi pilihan. Setelah melalui perancangan rapi dan tersusun, akhirnya tanggal petang Jumaat bersamaan Isnin 3 *Rabi' al-Thaniy*, 1 hijrah, bersamaan 28 September 622 Masehi.⁴⁴ Rasulullah (s.a.w.) sampai ke bandar Yathrib yang kemudian ditukar namanya kepada Madinah.⁴⁵

⁴² al-Mubārākafūriy, (1990), *op-cit*, h. 148.

⁴³ al-Mubārākafūriy, (1990), *ibid*, h. 148.

⁴⁴ al-Mubārākafūriy, (1990), *Ibid*, 204.

⁴⁵ Madinah bermakna maju dan bertamaddun sebagai satu titik mula membentuk sebuah Negara yang maju dan bertamaddun berdasarkan Islam. Jāwziy, (1973), *Zād al-Ma'ād*, j. 3, h. 10. Al-Mubārākafūriy, (1990), *Ibid*, h. 106.

Ternyata hijrah ke Madinah telah membawa hasil kejayaan yang cemerlang, di mana Rasulullah (s.a.w.) selain berjaya berhijrah ke Madinah dengan selamat, lebih penting ialah Baginda (s.a.w.) berjaya membentuk negara Islam di sana. Rasulullah (s.a.w.) berjaya mempraktikkan intipati ajaran Islam secara lebih syurūh dan menyeluruh serta dapat menterjemahkan nilai-nilai kehidupan Islam di peringkat pengurusan negara melalui pelbagai sektor seperti pentadbiran, kewangan, perundangan, pembentukan organisasi pentadbiran dan seumpamanya. Realiti ini adalah hasil dari kejayaan hijrah Rasulullah (s.a.w.).⁴⁶ Maka dengan itu, dapatlah disimpulkan bahawa strategi hijrah yang dirancang oleh Rasulullah (s.a.w.) akhirnya membuka gelanggang paling besar dalam menjayakan agenda pembentukan negara Islam terutama apabila berjaya memperolehi tempat iaitu Madinah yang menjadi tapak untuk dibangunkan sebuah negara Islam.⁴⁷

1.3.6 Memaksima Peranan Masjid

Membina Masjid Qubā' merupakan antara strategi utama Rasulullah (s.a.w.) setiba Baginda (s.a.w.) di Madinah.⁴⁸ Masjid tersebut merupakan masjid pertama yang didirikan oleh Rasulullah (s.a.w.) di Madinah yang diikuti selepas daripadanya dengan masjid Nabawi yang terletak di pertengahan Bandar Madinah.

⁴⁶ Soleh Ahmad 'Aliy, (1988), *al-Da'wah fī 'Ahd al-Rasūl*, (*Takwīn al-Dāwlah wa al-Tanzīmihā*), al-Majma' al-'Ilm al-'Irāqiyy, Iraq, j.1, h. 99-102.

⁴⁷ Daqs, (1994), *op-cit*, h. 358. Lihat juga Ghadban, Munir, (1990), *al-Mānhaj al-Harakiy al-Sīrah al-Nabawiyah*, c. 3, Maktabah al-Manār, Jordan, h.134-136.

⁴⁸ al-Ghazāliy, Muhammad, Syāykhu, (1985), *Fiqh al-Sīrah*, c. Mesr, Nasyr al-Kutub al-Hadithah, 2, h. 139.

Proses membina Masjid Qubā' dimulakan dengan Rasulullah (s.a.w.) meletakkan batu asas, ia disusuli dengan Abū Bakr, ‘Umar al-Khaṭṭāb dan para sahabat yang lain yang mula bekerja secara gotong-royong menyiapkan masjid tersebut. Selain itu, Nabi (s.a.w.) turut serta mengambil bahagian dalam kerja-kerja pembinaan ⁴⁹seperti menyiapkan masjid, kerja-kerja memunggah tanah, mengangkut batu-batan dan menyusun batang-batang tamar ke tempatnya. Berbekalkan dengan semangat dan kesungguhan tinggi Rasulullah (s.a.w.) dan para sahabat, maka dalam tempoh beberapa hari sahaja Masjid Qubā' berjaya disiapkan.⁴⁹

Selang beberapa hari, Rasulullah (s.a.w.) meneruskan perjalanananya menuju ke Madinah. Sebaik saja sampai di Bandar Madinah, Rasulullah (s.a.w.) mengambil keputusan dengan mendirikan masjid Nabawiy yang merupakan masjid kedua selepas Masjid Qubā'. Perlakukan batu asas disempurnakan oleh Rasulullah (s.a.w.) pada hari Jumaat, tanggal 12 *Rabi'* *al-Awwal* 1 Hijrah, bersamaan dengan 27 September tahun 622 M.⁵⁰ Berkenaan dengan pembinaan Masjid Qubā', Allah (s.w.t) telah menurunkan wahyuNya yang bermaksud:

"Sesungguhnya masjid yang didirikan di atas dasar taqwa sejak hari pertama adalah lebih patut kamu bersembahyang di dalamnya. Di dalamnya adalah orang-orang yang ingin membersihkan diri, dan Allah menyukai orang-orang yang bersih".

(Terj. *Sūrah al-Tāwbah* (9):108)

⁴⁹ *Ibid.*

⁵⁰ al-Mubārākafūriy, (1990), *op-cit*, h. 216.

Dalam menghurai ayat di atas, Ibn Kathîr menjelaskan bahawa ayat di atas menjadi dasar kepada penegakan mana masjid, bermula dari Masjid Qubâ' dan disusuli Masjid al-Nabawiy. ⁵¹ Dalam pada itu, semua masjid yang berjaya diimarahkan dengan sebaik mungkin, maka ia juga berhak untuk dinamakan ‘al-masjid al-taqwâ’. ⁵² Pandangan turut disokong oleh al-Syaykh ‘Aliy Muhammad Mokhtâr dengan menambah bahawa, perkataan yang bermaksud “sejak hari pertama didirikan” adalah merujuk kepada Masjid Qubâ’, Ini kerana ia diasaskan pada hari pertama Rasulullah (s.a.w.) menetap di Madinah. Namun semangat *al-taqwâ* turut menjadi asas ke atas pembinaan Masjid al-Nabawiy dan mana-mana masjid yang lain.⁵³

Berhubung dengan peranan masjid, samada Masjid Qubâ’ maupun Masjid al-Nabawiy, mendapati Rasulullah (s.a.w.) telah merangka strategi dengan memaksimakan sepenuhnya peranan kedua-dua masjid tersebut. Sebagai contoh, Muhammad al-Zarkasyiy menjelaskan bahawa Rasulullah (s.a.w.) menjadikan masjid yang didirikan itu sebagai tempat Baginda (s.a.w.) dan para sahabat melaksanakan ibadat rutin, seperti sembahyang berjemaah lima waktu dan sembahyang fardu Jumaat dengan diimami oleh Rasulullah (s.a.w.) sendiri, ia diikuti dengan sembahyang-sembahyang sunat seperti sembahyang tarawih serta iktikaf.⁵⁴ Kemudian peranan masjid terus dikembangkan kepada tujuan-tujuan sosial seperti tempat orang-orang Islam berkumpul, bertukar-tukar maklumat,

⁵¹ Ibn Kathîr, *al-Imâm Abiy al-Fidâ' al-Hâfiż*, (774M), (tt), *al-Sîrah al-Nabawiyyah*, j. 2, tabqîq: al-Ustaz Ahmad 'Abd Al-Bâqiy, Lubnan: Dâr al-Kutub al-'Ilmiyyah. h. 253.

⁵² *Ibid*. h. 254-255.

⁵³ Mokhtâr, ‘Aliy Muhammad, Syâykh, (1997), *Dâwr al-Masjid fi al-Islâm*, (terj) YADIM, K.L, h. 102.

⁵⁴ Syâybah, Muhammad bin Muhammed 'Aliy, (tt), *Risâlah al-Masjid fi Sadr al-Islâm*, Amman: Buhûth al-Muktamar al-Islâmiy, Dâr al-Fikr, h. 224. Sidi Ghazalba, (1976), *Masyarakat Islam*, Buku 1, K.L, Polygraphia Press, Sdn Bhd, h. 130.

mencari ilmu pengetahuan, tempat tinggal sementara, medan untuk saling berkenal-kenalan serta tempat untuk merapatkan ikatan ukhuwwah sesama mereka.⁵⁵

Dalam pada itu, Rasulullah (s.a.w.) terus mengangkat peranan masjid sehingga dijadikan mahkamah bagi menyelesaikan persengketaan dan perbalahan samada di kalangan umat Islam maupun di kalangan bukan Islam termasuklah tempat perbincangan dalam menentukan dan memutuskan hak kepada sesiapa yang berhak.⁵⁶ Dalam pada itu majlis-majlis ilmu dalam bentuk halaqah dan pusat-pusat pendidikan beroperasi di masjid.⁵⁷

Aḥmad Syalabiyy ketika mengulas tentang peranan masjid pada zaman Rasulullah (s.a.w.) menjelaskan bahawa sejarah pendidikan Islam secara formal dalam Islam bermula di masjid Qubā' dan Masjid al-Nabawiy. Selain itu, ianya turut berperanan sebagai pusat penyebaran dakwah, ilmu dan kebudayaan serta urusan pentadbiran negara seperti bermesyuarat dalam sebarang urusan negara serta perancangan-perancangan ke arah pengemaskinian pembentukan negara Islam Madinah. Ini bermakna masjid Qubā' dan Masjid al-Nabawiy berfungsi sebagai parlimen di dalam sesebuah negara.⁵⁸ Analisa yang dijalankan Aḥmad Syalabiyy ini turut disokong oleh ‘Abd. Jalīl Syalabiyy ketika mengulas fungsi masjid yang telah ditegakkan oleh Rasulullah (s.a.w.).⁵⁹

⁵⁵ al-Zarkasyiy, Muhammad bin ‘Abd. Allāh, *T'lām al-Sājid fī Aḥkām al-Masjid*, h. 26.

⁵⁶ Syāyah, Muhammad bin Muḥammad ‘Aliy, (tt), *op-cit*, h. 224.

⁵⁷ Syāyah, (tt), *ibid*, h. 224.

⁵⁸ Syalabiyy, Aḥmad (1976), *Sejarah Pendidikan Islam*, (terj), H. Muchtar Prof. M. Sanusi Latif, (Drs), Ed. C. i, Singapore: Pustaka Nasional, h. 72.

⁵⁹ Syalabiyy, ‘Abd. Jalīl, (1982), *Fiqh al-'Ibādah wa al-It'imah wa al-Aimān*, c. 2, Maktabah al-Ehsān, h. 239.

'Aliy bin 'Abd. Ḥalīm Maḥmūd turut membuat ulasan yang hampir sama, iaitu masjid yang didirikan oleh Rasulullah (s.a.w.) telah berperanan sebagai tempat bermuzakarah dan bermunaqasyah di kalangan para ilmuwan yang terdiri di kalangan para sahabat, samada berkaitan dalam urusan agama secara khusus ataupun hal-hal yang berkait dengan urusan pentadbiran negara Madinah.⁶⁰ Sebagai contoh ketika berlakunya perperangan Uhud, Rasulullah (s.a.w.) menjadikan Masjid Qubā' sebagai tempat perhimpunan ataupun, termasuklah mesyuarat untuk membentuk strategi perang Uhud. Bahkan masjid tersebut juga turut dijadikan sebagai markas untuk merawat tentera-tentera Islam yang tercedera di dalam perperangan tersebut.⁶¹

Masjid juga turut dijadikan tempat persinggahan sementara ataupun hotel bagi mereka yang bermusafir ke Madinah sementara mendapat tempat kekal di Madinah. Dalam perkembangan lain mendapat ketika Rasulullah (s.a.w.) mengutuskan para sahabatnya keluar ke sekitar Semenanjung Arab untuk berdakwah, maka mereka ini terlebih dahulu diberikan panduan ataupun kursus intensif yang juga dilakukan di masjid. Maṭāḥ terdapat di kalangan mereka yang terus tinggal di bilik-bilik yang dinamakan *al-Suffah*. Ini termasuklah satu bilik yang disediakan untuk isteri Rasulullah (s.a.w.) yang bernama 'Ā'isyah (M. 57H)⁶²

⁶⁰ Maḥmūd, 'Aliy bin 'Abd. Ḥalīm, (1976), *al-Masjid wa Taṭawwaruh fī al-Mujtama'* *al-Islāmiyy*, Mesr: Dār al-Ma 'ārif, h. 33.

⁶¹ Mustafa Daud, (1990), *Pengantar Masyarakat Islam*, K.L, Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 230-231.

⁶² Abd. Rochyan, (1983), *Masjid Dalam Arisikultur Nasional Indonesia*, Jakarta: Anglasa Bandung, h. 19.

Daripada huraiān di atas, dapatlah disimpulkan bahawa Rasulullah (s.a.w.) mengambil kesempatan dengan membentuk strategi memaksimakan peranan masjid Qubā' dan Masjid al-Nabawiy ke satu tahap seperti parlimen, mahkamah, pejabat pentadbiran, dewan permesyuaratan, pusat pendidikan dan latihan, persinggahan dan penginapan serta lain-lain fungsi. Maka dengan kemeriahān peranan masjid tersebut diharap dapat memperlihatkan kepada masyarakat Madinah betapa serius dan rancaknya pentadbiran negara Islam Madinah dalam mengurus hal ehwal kehidupan mereka sehariān ke arah yang lebih baik dan sejahtera.

Realiti ini diharap mampu meraih simpati dan sokongan rakyat jelata untuk sama-sama memberikan sokongan kepada jentera pemerintah Madinah. Ternyata strategi ini amat berjaya sekali apabila rakyat jelata Madinah bukan sahaja sanggup mengorbankan hartabenda dan masa, bahkan nyawa mereka demi negara Islam Madinah. Ini dapat dibuktikan dengan penglibatan mereka di dalam siri-siri peperangan mempertahankan kerajaan Islam seperti perang Badr, Uhud, Khandak dan lain-lain lagi.

1.3.7 Memperteguh Perpaduan Nasional

Dalam rangka memperkemas kedudukan negara Islam Madinah, Rasulullah (s.a.w.) telah membentuk strategi dengan berusaha memperteguhkan semangat perpaduan nasional di kalangan rakyat jelata. Ia dilakukan tanpa mengira latarbelakang agama, bangsa dan keturunan. Ini kerana perpaduan yang mantap dan kukuh akan melahirkan satu rumpun masyarakat yang bersatu padu

dan harmoni. Realiti ini sekaligus akan memperkuatkan kedudukan dan kestabilan negara Islam Madinah.

Apatah lagi dalam suasana Madinah yang memiliki taburan kependudukan yang bersifat majmuk (*multi racial and religious society*) samada dari segi agama maupun bangsa, maka soal perpaduan amat dititikberatkan oleh Rasulullah (s.a.w.) Sebagai contoh, di Kota Madinah sahaja terdapat dua golongan yang sangat berbeza, pertama golongan yang berasal dari sebelah utara, iaitu masyarakat Yahudi, mereka terbahagi pula kepada tiga suku kaum yang besar iaitu Kabilah Qurāysh, Kabilah Qāynuqā' dan Kabilah al-Naḍir. Manakala di sebelah selatan didiami pula oleh suku kaum Arab. Di kalangan mereka golongan terbesar ialah masyarakat Kabilah Aūs dan Khazraj.⁶³

Sebelum dasar perpaduan diperkenalkan, pergaduhan, persengketaan, bahkan menjangkau ke peringkat pembunuhan dan peperangan sentiasa berlaku, terutamanya di antara Kabilah Aūs dan Kabilah Khazraj. Silsilah persengketaan dan peperangan di antara kedua etnik tersebut bermula melalui peperangan *Bu'āth*, yang berlaku semenjak 120 tahun sebelum kelahiran Nabi (s.a.w.) dan ia terus berlarutan dan semakin meruncing dari masa ke semasa. Bahkan antara kedua-dua kaum tersebut, masing-masing mencari kawan untuk bersekongkol antara satu sama lain.⁶⁴ Pelbagai usaha ke arah perdamaian diadakan, namun latarbelakang kehidupan mereka yang suka berbalah, walaupun berpunca dari perkara yang remeh-temeh ditambah dengan ketiadaan semangat bertolak ansur,

⁶³ Syalabiy, Ahmad, (1983), *Māwsū'āt al-Tārīkh al-Islāmiy wa al-Hadārah al-Islāmiyyah*, c. 11, j. 1, Mṣr: Maktabah al-Nahḍah, h. 250.

⁶⁴ Khān, Majid bin 'Aliy, (1980), *Mohammad Final Messenger*, 'c, 1, India: Abadiyāt, Delli, h. 116.

apatah lagi untuk berkompromi di antara satu sama lain, menjadikan usaha ke arah perdamaian sentiasa menemui jalan buntu.⁶⁵

Implikasi dari pertembungan dua bangsa Arab yang besar tersebut telah diambil kesempatan oleh masyarakat Yahudi, samada dari Kabilah Quraizah, Kabilah Qainuqā' dan Kabilah al-Naḍir untuk mengaut keuntungan samada dari segi *milage* politik maupun ekonomi seperti mendapatkan keuntungan yang banyak hasil daripada penjualan senjata, mengaut bekalan makanan dan berjaya menguasai sumber mata air daripada bangsa Arab yang asyik bertelagah. Dari situlah, bangsa Yahudi mula meluaskan empayarnya untuk mendominasikan kekuatan mereka terhadap orang-orang Arab.⁶⁶

Fenomena yang ada ini sudah pasti akan menjelaskan pembentukan negara Madinah scandainya ia terus berlarutan. Justeru, strategi awal yang dilakukan oleh Rasulullah (s.a.w.) ialah mengatasi masalah ini dengan mempersaudarkan masyarakat Aūs dan Khazraj atas nama Islam. Mereka disatukan oleh Rasulullah (s.a.w.) atas ~~asas~~ tauhid kepada Allah; sebagai tuhan yang disembah, Islam; sebagai platform kehidupan yang paling tinggi dan mulia, Rasulullah; (s.a.w.) dijadikan sumber rujukan dan idola, al-Qur'an sebagai *dustūr* kehidupan, Kaabah sebagai lambang penyatuan ummah dan bahasa Arab yang *fāṣīḥah* sebagai bahasa pertuturan rasmi. Berasaskan garis panduan inilah masyarakat Arab mulai membina satu nilai baru dalam hidup mereka dengan mula memperkuuhkan semangat ukhuwwah Islamiyyah, hidup bersatu padu, rukun damai serta saling tolong antara satu sama lain. Realiti ini telah menjadikan

⁶⁵ Siddiquiy, Ab. Hamid, (1969), *The Life of Muhammad*, Beirut, Dār al-Faṭḥ, h. 177.

⁶⁶ al-Syāfi'iye, 'Ain Debā al-Syāibāniy, (1982), *Hadā'iq al-Anwār wa al-Matālī al-Asrār*, c. 2, j. 1, Qtar: Dār al-Ehyā' al-Turāth al-Islāmiy, h. 353.

mereka muncul sebagai satu ummah yang kukuh dan dihormati oleh semua masyarakat lain termasuk Yahudi.⁶⁷

Dalam memperkuat lagi ikatan perpaduan di Madinah, Rasulullah (s.a.w.) turut melakukam program *al-ta'akhi*, iaitu satu program mempersaudarakan dua kelompok besar di antara Muhajirin⁶⁸ dan Ansar.⁶⁹ Peristiwa *al-ta'akhi* di antara Muhajirin dan Ansar berlangsung secara rasmi di rumah seorang sahabat yang bernama Anas bin Mâlik(M. 93H).⁷⁰ Mereka mereka yang terlibat di peringkat awal ialah Ja'far bin Abiy Tâlib yang dipersaudarakan dengan Mu'âth bin Jabal, Hamzah bin 'Abd. Mu'talib(M. 3H) digandingkan dengan Zâyid bin Hâarithah, Abû Bakr dipadangkan bersama Kharijah bin Zuhâyr, 'Umar al-Khaṭâb bersama dengan 'Atabân bin Mâlik, manakala 'Abd Rahmân bin 'Aüf (M. 31H) dipersaudarakan dengan Sa'ad bin al-Rabi'(M. 12H).⁷¹

Di antara keindahan yang paling ketara melalui jaringan ukhuwwah di atas ialah wujudnya budaya *al-I'iθâr*, iaitu mengutamakan hak-hak dan kepentingan orang lain lebih dari diri sendiri.⁷² Sebagai contoh masyhur ialah Sa'ad bin al-Rabi' telah menawarkan kepada 'Abd Rahmân bin 'Aüf untuk membahagi dua harta kekayaan serta rumah yang didiaminya kepada 'Abd Rahmân bin 'Aüf, bahkan sanggup menceraikan salah seorang isterinya untuk diberikan kepada 'Abd Rahmân bin 'Aüf. Walaubagaimanapun 'Abd Rahmân bin

⁶⁷ Syalabiyy, Ahmad, (1976), *op-cit*, h. 112. Yüsuf, al-Qaraðawiy, (1987), *Hakikat Tauhid*, c. 2, (terj). Majid Abdullah, K. L, Pustaka Salam, h. 47. Abd. Munir bin Yakob, (1988), *Intisari Perkembangan Perundungan Islam*, c. 1, Penerbit Saujana, h. 50.

⁶⁸ Muhajirin bererti mereka yang datang berhijrah dari Mekah ke Madinah.

⁶⁹ Ansar ialah gabungan di antara kaum Aus dan Khazraj yang terlibat dalam membantu orang-orang Islam Muhajirin ketika mereka sampai ke Madinah.

⁷⁰ al-Jâwziyy, (1973), *op-cit*, h. 56.

⁷¹ Ibn Hisyâm, (1997), *op-cit*, j. 1, h. 504, *Tabaqât Ibn Sa'ad*, j. 3, h. 2, al-Bütiyy, (1989), *op-cit*, h. 199.

⁷² Sayyid Qutb, (1980) *Khaṣâ'is al-Taṣawwur al-Islâmiy*, Meşr: Dâr al-Syurûq, h. 182.

bin ‘Aūf menolak dengan baik semua pelawaan tersebut sebaliknya memohon agar beliau ditunjukkan pasar Madinah untuk bermiaga di sana.⁷³

Selain dari semangat *al-I’ithār* mulai menghiasi jiwa orang-orang Islam, maka perpaduan yang dibina ini juga dapat melemahkan pihak musuh, terutamanya masyarakat Yahudi daripada terus mengekspolitasi orang-orang Arab.⁷⁴ Bahkan bangsa Yahudi semenjak daripada strategi ini berjalan, mereka mulai gagal memecahbelahkan perpaduan umat Islam.⁷⁵

Bagi meneruskan semangat perpaduan nasional di Madinah, Rasulullah (s.a.w.) turut mengikat perjanjian di antara orang-orang Islam di Madinah dengan masyarakat Yahudi yang terdiri daripada Kabilah Qurāyzah, Kabilah Qāinuqā’ dan Kabilah al-Nadīr. Butiran perjanjian dan persefahaman ini terkandung di dalam Piagam Madinah. Antara lain menjelaskan bahawa orang-orang Yahudi akan dilayan sebagaimana masyarakat Arab yang lain dari segi status quo selama mana mereka setia dengan kerajaan Madinah. Dalam masa yang sama mereka harus bertanggungjawab dalam membantu kaum muslimin dalam mempertahan negara Islam Madinah dari sebarang bentuk pencerobohan dari pihak musuh.⁷⁶

⁷³ *Ibid.*

⁷⁴ al-Waṣfiy, Muṣṭafā Kamāl, , (1970), *Strategi Rasulullah Dalam Menghadapi Helah Yahudi*, c. 1, (terj) Abd. Kadir Mahdemi, Pustaka mantic, h. 53.

⁷⁵ Hāykal, Muḥammad bin Husin, (1963), *Ḩayāt Muḥammad*, c. 8, Meşr, Maktabah al-Nahdah, h. 224.

⁷⁶ Ibn Kathīr, al-Imām Abiy al-Fidā’ al-Hāfiẓ, (1978), *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, j. 3, c. 2, Beirut: Maktabah Dār al-Ma’ārif, h. 224. Zakaria Bashier, HIJRA, (1983), *Story and Significant*, United Kingdom, The Islamic Foundation, h. 90.

Seorang tokoh sosiologi Barat yang bernama Martin Lings, dalam ulasan beliau terhadap realiti di atas menegaskan bahawa di sebalik kejayaan strategi Rasulullah (s.a.w.) dalam memperteguh semangat perpaduan nasional, ia turut mempamerkan sikap prihatin Rasulullah (s.a.w.) dalam hal perpaduan dan masyarakat sekeliling. Apatah lagi apabila ukhuwah tersebut diikat dengan harga ikatan persaudaraan Islam, yang lebih kukuh dan global daripada hubungan pertalian darah biasa maupun semangat kebangsaan. Maka dengan itu, Rasulullah (s.a.w.) berjaya menguasai satu rumpun rakyat yang hidup aman dan bersatu padu. Realiti ini tidak pernah terdapat dalam mana-mana sejarah tamadun manusia.⁷⁷

Manakala seorang tokoh cediakawan Islam terkenal, Sayyid Hossein Nasr ketika menyingkap rahsia kejayaan strategi perpaduan ini menjelaskan bahawa Rasulullah (s.a.w.) daripada awal lagi sememangnya telah mendapat satu tasawwur bahawa hanya dengan cara Islam sahaja perpaduan hakiki dapat dijalankan. Ini kerana Islam adalah satu agama global yang melampaui batasan asabiyyah serta mampu menyatupadukan perpecahan dahsyat yang berlaku sebelum ini.⁷⁸

Daripada susun-galur strategi di atas, dapatlah dibina satu kesimpulan bahawa perpaduan merupakan teras dan tiang seri yang amat penting dalam menyusun semula struktur masyarakat Madinah ke arah yang lebih baik dan harmonis. Ini kerana ia merupakan asas dalam membangunkan sesebuah negara.

⁷⁷ Martin Lings, (1993), *Muhammad (s.a.w.) His Life Based on The Earliest Sourcers*, c. 1, New York, Inner Traditionas, International, LTD, h. 56.

⁷⁸ Sayid Hossein Nasr, (tt), *Traditional Islam In The Moden World*, c. 1, KPI London and New York, h. 38. Lihat juga Zayedah, Niqilâ, (1961), *Lamahât min Târikh al-'Arab*, Beirut: Dâr al-Kutub al-Lubnâniy, h. 238.

Selain itu, melalui kekuatan perpaduan juga memungkinkan Rasulullah (s.a.w.) berjaya menangkis serangan musuh yang cuba mengganggu gugat kestabilan daulah Islamiyyah Madinah. Justeru, strategi memperteguh perpaduan nasional yang dianjurkan Rasulullah (s.a.w.) merupakan pemangkin utama dalam membentuk negara Islam yang utuh dan berkaliber.

1.3.8 Membentuk Perlembagaan Madinah

Bagi melengkapkan proses membentuk Daulah Islamiyyah Madinah Munawwarah, Rasulullah (s.a.w) terus mengorak langkah dengan merangka strategi membentuk piagam Madinah. Ia merupakan satu usaha menyediakan sebuah perlembagaan bagi sesebuah negara. Sekaligus merupakan satu elemen penting ke arah menyempurnakan struktur pentadbiran negara.

Mengenai latarbelakang pembentukan Perlembagaan Madinah, Ibn Hisyām menjelaskan bahawa sejarah pembentukannya berlaku dalam dua fasa. Fasa pertama berlaku pada tahun pertama hijrah. Manakala pada fasa kedua digubal pada tahun ke-dua hijrah, iaitu selepas perperangan *Badr*. Pandangan Ibn Hisyām ini turut disokong oleh seorang tokoh sejarah Arab, Ibn Manzūr.⁷⁹ Manakala seorang ahli akademik, al-Syākh Muḥammad. Hamid ‘Allāh melalui karya beliau berjodol *The First Written Constitution In The World*, menyatakan bahawa pada bahagian pertama Perlembagaan Madinah mengandungi 23 fasal, manakala pada bahagian keduanya pula mengandungi 24 fasal. Dengan itu, menjadikan keseluruhan Perlembagaan Madinah fasal 47.

⁷⁹ Ibn Manzūr, (tt), *Lisān al-'Arab*, j. 1, Meşr: Dār al-Şadīr, h. 464. Al-'Umariy, Diyā' al-Dīn, (1998), *al-Mujtama' al-Madaniy fī Ahd al-Nubuwah*, h. 108-112.

Banyak persoalan penting telah digarap di dalam Perlembagaan Madinah, seperti hak dan tanggungjawab pemerintahan dan orang yang diperintah, perundangan, pentadbiran, keadilan, susunan pertahanan, kedudukan ketua negara, layanan terhadap orang yang bukan Islam, jaminan kemasyarakatan dan pengertian ummah.⁸⁰ Kajian di sini tidak bermaksud menghurai tentang hal yang berkaitan di atas, melainkan membawa beberapa contoh yang ada kaitan dengan proses pembentukan negara.

Sebagai contoh, pada fasa pertama dan 25 Perlembagaan Madinah membincangkan konsep ummah ataupun warganegara yang menjadi asas dan panduan kepada seluruh rakyat Madinah. Di antara penegasan yang dibuat ialah Islam menganggap ahli kitab atau orang Yahudi adalah komponen warganegara bersama orang-orang Islam selama mana mereka menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan amanah dan sempurna. Perbezaan agama tidak boleh dijadikan alasan bagi penolakan status kewarganegaraan seseorang.⁸¹ Manakala bagi kaum muslimin pula perasaan menghormati diri sendiri dan ketakwaan terhadap Allah haruslah disemarakkan pada diri mereka dari masa ke semasa.⁸²

Melalui Perlembagaan Madinah juga telah mensyaratkan supaya masyarakat Yahudi menerima Rasulullah (s.a.w.) sebagai ketua negara. Di samping semua pihak hendaklah akur dengan satu persetujuan bersama, bahawa

⁸⁰ Mahmud Breli, (1967), *Islamic Ideology and Its Impact on Our Time*, Karachi: M.K Usman, h. 23. Lihat juga Muhammad Hamid Allah, (1974), *Introduction to Islam*, Lahore: Asyraf Press, h. 121.

⁸¹ Zafir al-Qasimiy, (1974), *Nizām al-Hukm fi al-Syarī'ah wa al-Tārīkh*, Beirut: Dār al-Nafā'is, j. 1, h. 37.

⁸² Sila rujuk *Perlembagaan Madinah*, lampiran A.

kota Madinah merupakan satu kawasan suci bagi kaum muslimin yang tidak boleh dilanggar kehormatannya, seperti berperang atau melakukan sebarang pencerobohan ke atasnya. Pengistiharan ini dilihat sebagai satu usaha Rasulullah (s.a.w.) dalam membentuk suasana *condusif*, penuh dengan nilai-nilai kedaulatan terhadap Madinah agar terjamin keamanan dan keharmoniannya.⁸³ Melalui pengistiharan ini sekaligus mengikat setiap warga Madinah tanpa mengira agama dan bangsa supaya masing-masing bertanggungjawab menjaga keamanan dan keselamatan Madinah.

Meneliti aspek perundangan, pada fasa 23 di dalam Perlembagaan Madinah mengistiharkan bahawa Rasulullah (s.a.w.) merupakan pemimpin ataupun pemegang kuasa tertinggi undang-undang. Sebarang kes mahkamah ulang bicara tertinggi hendaklah dirujuk kepadanya.⁸⁴ Manakala masyarakat Yahudi juga dalam masa yang sama dikehendaki mengiktiraf Rasulullah (s.a.w.) sebagai pemimpin yang paling berautoriti dalam segala urusan pentadbiran.⁸⁵ Dalam hal berkaitan pengadilan, masyarakat Arab sebelum itu menyelesaikan masalah dan kes perundangan melalui tiga cara. Pertama melalui Majlis *al-Qabilah*, iaitu suatu majlis permesyuaratan kabilah, keduanya melalui *al-Kāḥḥān*, iaitu dengan merujuk kepada tukang nujum dan ahli-ahli sihir di kalangan mereka, ketiganya melalui *al-Hakam*, iaitu seseorang yang dilantik sebagai pendamai mestilah bersikap berkecuali bagi menyelesaikan masalah yang berbangkit. Melalui peruntukan Perlembagaan Madinah, mereka mulai meninggalkan budaya lama dan terus merujuk kes-kes mereka kepada perlembagaan yang didokumenkan di dalam piagam Madinah. Ini termasuklah

⁸³ *Ibid.*, lampiran A, fasa 18.

⁸⁴ *Ibid.*

⁸⁵ *Ibid.*, fasa 42.

kes ulang bicara di dalam mana-mana kes *ipil* (rayuan), ia hendaklah dikemukakan kepada Rasulullah (s.a.w.) selaku mahkamah ipil tertinggi. Realiti di atas jelas menunjukkan bahawa Rasulullah (s.a.w.) diakui oleh semua pihak termasuk golongan non muslim Madinah sebagai pemegang kuasa tertinggi, samada di dalam hal ehwal politik maupun undang-undang. Dalam masa yang sama masing-masing mengiktiraf Rasulullah (s.a.w.) sebagai ketua negara.⁸⁶

Seterusnya di antara peruntukan terpenting di dalam Perlembagaan Madinah ialah beberapa isu kemanusiaan terutama yang membabitkan amalan-amalan jahiliah seperti penghapusan fanaticism (The Tribal Fanaticism). Begitu juga dengan nilai-nilai persaudaraan di mana kaum muslimin telah disatukan melalui ikatan persaudaraan yang diasaskan oleh Islam, bukan lagi dibina melalui perhubungan darah atau kabilah. Dalam konteks hubungan dengan masyarakat bukan Islam, Rasulullah (s.a.w.) tidak menghadkan konsep rakyat dalam negara Madinah dikhaskan untuk muslimin semata-mata, bahkan masyarakat Yahudi dan kaum musyrikin juga dikatogeri sebagai rakyat Madinah. Ini adalah satu transformasi yang tidak pernah berlaku sebelum ini.

Pada fasal ke 20 Perlembagaan Madinah menjelaskan bahawa semua rakyat Madinah mempunyai hak-hak yang sama dan beberapa kewajipan yang sama.⁸⁷ Sebagai contoh, masyarakat non muslim akan memperolehi hak-hak mereka serta mendapat keadilan sepenuhnya yang dilindungi oleh Perlembagaan Madinah sebagaimana yang terdapat pada fasal 15,17,19 dan 45. Nilai ketelusan juga dipaparkan secara jelas pada perlembagaan ini apabila fasal 47 menyatakan

⁸⁶ *Ibid.*

⁸⁷ *Ibid.*

bahawa perlombagaan ini tidak boleh diaplikasikan untuk melindungi orang-orang zalim dan bersalah.

Dalam hal yang berkaitan dengan urusan pertahanan negara, maka Perlembagaan Madinah menegaskan bahawa soal perang dan damai adalah hak autoriti kerajaan pusat. Walaupun orang-orang Yahudi diberi autonomi di dalam urusan dalaman mereka, tetapi mereka tidak mempunyai kuasa di dalam dasar luar negara Madinah. Justeru, masyarakat Yahudi walaupun mereka merupakan golongan kedua terbesar selepas masyarakat Islam di Madinah, namun mereka tidak boleh mengistiharkan peperangan bersendirian dan mereka juga tidak dibenarkan menyertai mana-mana askar sukarela tanpa kebenaran Rasulullah (s.a.w.) yang menjadi pemimpin politik, ketua pemerintah tentera, ketua pentadbiran, penggubal undang-undang dan hakim mahkamah tertinggi kepada mereka.⁸⁸

Dalam mengulas perkembangan dan realiti Perlembagaan Madinah, tokoh-tokoh perundungan seperti Marduké Pickthal H.A.R. Gibb, Wsinck dan Montgomery Watt menjelaskan bahawa Perlembagaan Madinah mengandungi prinsip-prinsip untuk mengatur kehidupan umum serta dasar-dasar sosial dan politik bertujuan membentuk sebuah masyarakat dan negara. Isi kandungannya penuh dengan nilai *fundamental* bagi pembentukan sebuah negara.⁸⁹

⁸⁸ *Perlembagaan Madinah*, lampiran A, fasil 17 dan 18.

⁸⁹ Diambil dari J. Suyuthi Pulungan, (1994), *Prinsip-Prinsip Pemerintahan Dalam Piagam Madinah diTinjau Dari Pandangan al-Qur'an*, Jakarta: Raja Grafindo Persada, h. 115. Lihat juga Judith s. Levey, (1975), *The New Columbia Encyclopaedia*. New York: Columbia University Press, h. 514.

Al-Syākh Sofyi al-Dīn al-Mubārak melalui karya beliau yang berjodol *al-Raḥīq al-Makhtūm* telah membuat ulasan bahawa segala peraturan dan undang-undang yang terdapat di dalam Perlembagaan Madinah dilihat berjaya menyusun negara Madinah menjadi sebuah negara yang aman, masyarakatnya hidup makmur antara satu sama lain dengan latarbelakang moral yang tinggi serta penuh kehormatan.⁹⁰ Dalam pada itu, Prof Kāmil Salāmah al-Daqs menjelaskan bahawa di antara keunikan yang wujud pada Perlembagaan Madinah ialah kekuatan dalam menghurai hak dan tanggungjawab dua hala di antara pemimpin terhadap rakyat dan tanggungjawab rakyat terhadap pemimpin, serta menegaskan keperluan hidup dibina atas asas bantu-membantu walaupun berlainan agama dan bangsa.⁹¹

Manakala dalam konteks strategi dakwah, dapatlah dipertegaskan bahawa pembentukan Perlembagaan Madinah merupakan satu medium yang sangat penting ke arah mewujudkan suasana yang lebih kondusif dan sistematik dalam pentadbiran kerajaan Madinah. Ia sekaligus memperkuatkan kedudukan Madinah sebagai sebuah negara berdaulat.⁹²

1.3.9 Memperkenal Pengagihan Kuasa

Bagi memantapkan lagi proses pentadbiran Madinah, Rasulullah (s.a.w.). telah mengatur strategi dengan melaksanakan dasar pengagihan dan penyerahan kuasa. Ia bermula dengan Rasulullah (s.a.w.) memegang tugas sebagai ketua negara, diikuti dengan para sahabat yang menyandang beberapa jawatan tertentu

⁹⁰ al-Mubārakfūriy, (1990), *op-cit*, h. 221.

⁹¹ al-Daqs, (1994), *op-cit*, h. 414.

dalam pentadbiran Madinah. Sebagai contoh, di peringkat perundangan, Rasulullah (s.a.w.) mewujudkan tiga badan utama iaitu Badan Perundangan (*Legislative*) Badan Eksekutif (*Executive*) dan Badan Kehakiman (*Judiciary*).

Bagi Badan Perundangan pada dasarnya ia dipimpin secara langsung oleh Rasulullah (s.a.w.) terutama dalam memutuskan sesuatu hukum dan peraturan terhadap sesuatu perkara dengan berdasarkan kepada wahyu Allah (s.w.t.) ataupun melalui pandangan Rasulullah s.a.w sendiri.⁹² Apabila Baginda (s.a.w.) wafat maka tugas ini dilaksanakan pula oleh para mujtahid dan ahli fatwa termasuklah juga ketua negara di zaman masing-masing.⁹³

Pada hayat Rasulullah (s.a.w.), Baginda (s.a.w.) menggubal undang-undang dan peraturan berdasarkan kepada al-Quran. Namun pada zaman sahabat dan seterusnya konsep kuasa perundangan telah berubah pengertiannya dengan maksud tidak lagi menggubal undang-undang maupun peraturan seperti di zaman Rasulullah (s.a.w.) Sebaliknya kuasa badan perundangan ini lebih menjurus ke arah memahami teks al-Quran ataupun *sunnah* berhubung dengan sesuatu isu yang berlaku bagi direalisasikan hukum yang sebenarnya. Namun seandainya tidak terdapat teks al-Quran dan Sunnah mengenai isu tersebut maka peranan kuasa perundangan ialah berijtihad bagi mendapatkan hukum berkenaan melalui kefahaman mereka terhadap teks al-Quran dan al-Sunnah.⁹⁴

⁹² Mutawwali, 'Abd Hamid, (1974), *Mabādi' Niżām al-Hukm*, Cairo, Där al-Mukhtár al-Islāmiy, h. 545.

⁹³ *Ibid.*

⁹⁴ *Ibid.*

Manakala melalui Badan Eksekutif pula Rasulullah (s.a.w.) membentuk satu organisasi pentadbiran yang tersusun dengan membahagikan pentadbiran kepada beberapa peringkat iaitu peringkat pusat, wilayah dan kementerian-kementerian. Di antara jawatan-jawatan penting di peringkat pusata ialah *al-musyir* (penasihat), *kātib* (setiausaha), *saffārah* (wakil), *nawwāb* (pesuruhjaya) dan tugas am. di peringkat wilayah pula ialah jawatan-jawatan seperti gabenor, naqib, pentadbir tempatan, hakim dan pentadbir pasar. Manakala Kementerian-kementerian yang diwujudkan seperti Kementerian Kewangan, Kementerian Pembangunan Sosial dan Kementerian Ketenteraan.⁹⁵ Gambaran ini memberi maksud bahawa Rasulullah (s.a.w.) selaku ketua negara bergerak bersama-sama dalam menjayakan urusan pentadbiran melalui badan eksekutif. Badan ini telah disebut di dalam al-Quran sebagai *Uliy al-Amr*, sementara di dalam al-Sunnah pula digelar sebagai pemimpin (*umarā*).⁹⁶ Rakyat bertanggungjawab untuk mentaati mereka ini selama mana ia tidak diperintah dalam perkara-perkara maksiat dan penyelewangan.

Manakala di peringkat Badan Kehakiman pula, selain Rasulullah (s.a.w.) yang menjadi Ketua Hakim Negara, ia turut melantik tokoh-tokoh tertentu bagi menjayakan agenda Badan Kehakiman, termasuklah menentukan *locality* bertugas serta mengenalpasti jenis-jenis penghakiman yang diterajui mereka. Sebagai contoh, Rasulullah (s.a.w.) melantik Mu'āz bin Jabal menjadi hakim di Yaman, Ma'qal b. Yāsar dan 'Uqbah bin Nāfi' menjadi hakim dalam kes-kes

⁹⁵ *Ibid.*

⁹⁶ *Ibid.*

perbalahan⁹⁷, ‘Umar al-Khaṭṭāb, ‘Abd Allāh bin Mas’ūd dan Ubāy bin Ka’ab menjadi hakim dalam kes-kes perniagaan dan cukai.⁹⁸

Hakikatnya melalui dasar pengagihan tugas dan penyerahan kuasa ini cuba menjelaskan satu bentuk strategi Rasulullah (s.a.w.) dalam memperteguhkan pembentukan Madinah sebagai sebuah negara ke arah yang lebih kemas dan tersusun. Jelas terbukti bahawa kaedah ini bukan sekadar berjaya dipraktik, bahkan turut menjadi amalan bagi sesebuah negara dengan mewujudkan ketiga-tiga badan tersebut bagi menjayakan agenda di peringkat perundangan.

1.3.10 Menghormati Undang-Undang

Dasar menghormati undang-undang telah digunakan oleh Rasulullah (s.a.w) sebagai satu usaha menarik kepercayaan rakyat jelata terhadap kepimpinannya, selain ia merupakan satu sikap yang harus wujud pada setiap pemimpin.

Sebagai contoh, ketika persiapan menghadapi musuh di medan peperangan Uhud, Rasulullah (s.a.w.) mengadakan mesyuarat bersama para sahabat berbincang tentang strategi menghadapi musuh. Satu keputusan telah dicapai iaitu tentera Islam hendaklah keluar dari Madinah dan membuat kubu pertahanan di sana bagi menghadapi -musuh. Keputusan muktamad diambil setelah mengambil kira pandangan majoriti sahabat, walaupun Rasulullah (s.a.w.) mencadangkan agar tentera Islam berkubu saja di Madinah. Walaubagaimanapun

⁹⁷ al-Kattāniy, (tt), *op-cit*, h. 258.

⁹⁸ *Ibid*, h. 253-256.

Rasulullah tetap akur dengan keputusan mesyuarat. Namun selepas mesyuarat itu berlangsung, mula berasa rimas dan serba salah atas keputusan yang dibuat kerana dianggap kontra dengan cadangan Rasulullah (s.a.w.) Dari situ mereka bersepakat untuk menarik balik keputusan mesyuarat semata-mata tidak mahu menyalahi pandangan peribadi Rasulullah (s.a.w.). Walaubagaimanapun Rasulullah (s.a.w.) secara tegas menjawab bahawa tidak sepatutnya bagi seorang Nabi itu apabila dia telah memakai baju rantai (untuk keluar berperang) lalu dia membukanya semula. Biarlah sehingga Allah menentukan keputusan di antaranya dan di antara musuhnya.⁹⁹

Jawapan itu sekaligus mempamerkan sikap Rasulullah (s.a.w.) yang amat menghormati keputusan mesyuarat. Rasulullah tidak bersifat autokratik, sebaliknya bersikap telus dan tuntas dalam menerima keputusan sekalipun bercanggah dengan kehendak peribadinya. Ini merangsang kepercayaan rakyat kepada kepimpinan Rasulullah (s.a.w) serta memperlihatkan sikapnya yang terbuka dan mulia.

Dalam perkembangan lain ketika termeterainya perjanjian Hudaibiyah, iaitu perjanjian dua penjuru di antara Rasulullah s.a.w selaku ketua negara Madinah dengan pemimpin Quraiysh Mekah. Melalui perjanjian ini ramai di kalangan sahabat Baginda (s.a.w.) tidak berpuas hati dan merungut sesama mereka termasuklah sahabat kanan Rasulullah (s.a.w.) iaitu 'Aliy bin Abiy Tālib

⁹⁹ *Ibid.*

dan ‘Umar al-Khaṭṭāb. Ia berpunca dari butiran perjanjian Hudaibiyyah pada zahirnya dilihat lebih banyak menguntungkan pihak Quraiysh.¹⁰⁰

Sebagai contoh, butiran perjanjian Hudaibiyyah menjelaskan bahawa sesiapa di kalangan Quraiysh yang didapati pergi ke pihak Rasulullah (s.a.w.) untuk hidup sebagai seorang muslim tanpa izin dari walinya hendaklah dihantar semula kepada walinya. Sebaliknya sesiapa dari kalangan Quraisy yang berpatah balik ke Mekah ekoran melarikan diri dari mengikuti ajaran Rasulullah (s.a.w.), maka mereka tidak akan dipulangkan semula kepada Rasulullah (s.a.w.). Ketika perjanjian itu dimeteri, tiba-tiba datang seorang sahabat yang bernama Abū Jandal bin Sahal yang tinggal di Mekah menemui Rasulullah (s.a.w.) dan merayu agar beliau dibawa bersama ke Madinah bagi mengelak dari terus dizalimi ekoran memeluk Islam. Maka dengan tegas Rasulullah (s.a.w.) menjawab dengan kata-katanya yang berbunyi;

“Wahai Abu Jandal! Bersabarlah dan haraplah pahala daripada Allah. Sesungguhnya Allah menetapkan kamu dan mereka yang bersama kamu jalan penyelesaian dan kebaikan. Sesungguhnya aku dan mereka (pimpinan Quraisy) telahpun memmeterai satu perjanjian dengan mereka. Hak-hak mereka telahpun kita menerima manakala hak-hak Allah yang datang daripada kita telahpun mereka persetujui. Demi sesungguhnya aku tidak akan mengkhianati perjanjian apabila berjanji.”¹⁰¹

Daripada paparan di atas jelas menunjukkan bahawa Rasulullah (s.a.w) telah menonjolkan kepimpinannya melalui sikap menghormati undang-undang. Strategi ini amat mendapat tempat pada kaca mata kawan maupun lawan sehingga meletakkan kepimpinan Rasulullah (s.a.w) sebagai pemimpin ulung.

¹⁰⁰ al-Mubārakfūriy, (1990), *op-cit*, h. 404. al-Būrijy, (1989), *op-cit*, 315-317.

¹⁰¹ *Ibid.*

Realiti ini turut meletakkan Madinah sebagai sebuah negara yang bermaruah dan disegani umum.

1.3.11 Mendapat Pengiktirafan

4

Strategi ini dilaksanakan bagi mendapat status Madinah sebagai sebuah negara yang berdaulat. Langkah awal bagi merialisasi strategi ini ialah dengan menghantar perutusan surat dan juga wakil-wakil Rasulullah (s.a.w.) kepada negara-negara tertentu mewakili negara Madinah.

Bagi memperlengkapkan tujuan tersebut, Rasulullah (s.a.w.) memastikan setiap surat yang diutuskan kepada ketua-ketua negara mempunyai cap mohor rasmi negara. Ini amat penting sebagai satu simbolik terhadap kewujudan Madinah sebagai sebuah negara. Justeru, Rasulullah (s.a.w.) membentuk sebentuk cincin khas yang diperbuat daripada perak melalui ukiran yang tertera di atasnya tiga kalimah iaitu; Muhammad – Rasul – Allah, sekaligus merupakan lambang rasmi negara Islam Madinah. Cincin tersebut dicopkan ke atas setiap surat yang diutuskan kepada ketua-ketua negara. Sebagaimana dalam hal berkaitan, wakil-wakil Rasulullah (s.a.w.) yang dihantar ke setiap pelusuk Semenanjung Tanah Arab akan dipastikan terlebih dahulu mampu bertutur dalam bahasa tempatan mengikut tempat mereka diutuskan.

Berikut dipaparkan beberapa contoh. Pertamanya Rasulullah (s.a.w.) mengutuskan ‘Amr ibn Umayyah al-Dāmariy bertemu dengan Raja Habsyah

yang bergelar al-Najāsyiy.¹⁰² Sebaik saja al-Najāsyiy menerima surat tersebut, beliau terus meletakkan surat itu ke atas matanya sebagai tanda menerima perutusan Rasulullah (s.a.w.). Selain itu baginda juga amat tertarik dengan seruan Islam yang dibentangkan oleh wakil Rasulullah (s.a.w.) sehingga baginda memeluk Islam, di samping berkata bahawa seandainya berkesempatan beliau akan mengunjungi Rasulullah (s.a.w.). Walaubagaimanapun hajat al-Najāsyiy tidak kesampaian apabila mangkat baginda sebelum sempat bertemu Rasulullah (s.a.w.)¹⁰³

Dalam perkembangan lain, Mu'ādh bin Jabal dan Mālik bin Marārah diutus oleh Rasulullah (s.a.w.) menemui Raja-Raja Yaman yang bersaudara, iaitu al-Hārith bin 'Abd Kilāl al-Humayriy, Syariḥ bin 'Abd Kilāl dan 'Abd Kilāl. Raja-raja tersebut telah diberi dua pilihan samada memeluk Islam ataupun membayar jizyah kepada Kerajaan Madinah. Kesemua mereka telah mengambil keputusan untuk memeluk Islam.¹⁰⁴

Selain daripada contoh di atas, terdapat banyak lagi utusan-utusan Rasulullah (s.a.w.) yang membawa surat rasmi kerajaan Madinah untuk dihantar kepada pemimpin-pemimpin negara lain di sekitar Semenanjung Tanah Arab. Walaupun pada zahirnya surat-surat tersebut hanya mengandungi mesej dakwah semata-mata, namun dalam masa yang sama tersirat suatu rahsia besar, iaitu nilaiann pengiktirafan yang cuba diraih oleh Rasulullah (s.a.w.) dari pemimpin-pemimpin negara berkenaan.

¹⁰² Ibn Sa'ad, (tt), *op-cit*, j. 2, h. 23.

¹⁰³ Ibn Qayyim (1973), *op-cit*, j. 3, h. 690. Lihat juga *Sahīḥ Muslim*, bab al-Jihād wa al-Sayr, no hadis. 1774. al-Nasā'ī, *al-Sunan al-Kubrā*, Kitāb al-Sayr, no hadis. 1179, al-Bāyahqīy, *al-Dalā'il*, *op-cit*, j. 4, h. 376.

¹⁰⁴ Ibn Sa'ad, (tt), *al-Tabaqāt al-Kubrā*, Dār Ṣādir, j. 2, h. 29.

Muhammad Jamāl al-Dīn Surūr menjelaskan bahawa strategi Rasulullah (s.a.w.) melalui pendekatan tersebut telah berjaya memperkenalkan Islam kepada masyarakat yang lebih luas, terutama di peringkat kepimpinan negara. Namun apa yang lebih penting ialah memberi peluang kepada Rasulullah (s.a.w.) memperkenalkan Madinah sebagai sebuah negara Islam berdaulat yang seharusnya diiktiraf oleh negara-negara lain.¹⁰⁵ Manakala Muhammad Maḥmūd al-‘Arabiyy di dalam karyanya yang bejodol *Qiyām al-Dāwlah al-‘Arabiyyah al-Islāmiyyah fī Hayāt Muḥammad* menjelaskan bahawa ketua-ketua negara mula mengiktiraf Rasulullah (s.a.w.) sebagai ketua negara, manakala Madinah pula sebagai sebuah negara berdaulat. Realiti ini dapat difahami apabila negara-negara terbabit menerima dan mengiktiraf utusan Rasulullah (s.a.w.) yang dihantar kepada mereka. Semenjak itu, wujudnya satu proses mendapatkan pengiktirafan di antara Madinah dan negara-negara lain.¹⁰⁶

Pandangan ini diperkuuhkan lagi dengan pendapat al-Syāykh Muhamad Ahmad Jād Mawallā, ketika mengulas strategi Rasulullah (s.a.w.) dalam membina hubungan dengan negara-negara luar menjelaskan bahawa strategi mendapatkan pengiktirafan dari negara luar telah memberikan *in-put* yang amat besar dalam meneruskan kelangsungan kekuasaan Madinah. Dalam masa yang sama ia membantu ke arah mempercepatkan proses pembentukan negara Madinah ke arah yang lebih stabil dan kukuh untuk masa yang akan datang.¹⁰⁷

¹⁰⁵ Surūr, Muhammad Jamāl al-Dīn, (1993), *Qiyām al-Dāwlah al-‘Arabiyyah al-Islāmiyyah fī Hayāt Muhammad* (s.a.w.) Beirut: Dār al-Fikr al-‘Arabiyy, h. 150.

¹⁰⁶ al-‘Arabiyy, Muhamad Maḥmūd, (1988), *Dāwlah al-Rasūl fī al-Madinah*, al-Hāy’ah al-Mesriyyah al-Āmmah al-Kitāb, h. 265.

¹⁰⁷ al-Syāykh Muhamad Ahmad Jād Mawallā, (1987), *Muhammad al-Mithal al-A’lā*, Meşr, Dār al-Ma’rifah, h. 207

Kesimpulannya, strategi Rasulullah (s.a.w.) dalam usaha mendapatkan pengiktirafan Madinah sebagai sebuah negara telah berjaya dirintis. Seterusnya menjadikan Madinah sebagai sebuah negara berdaulat, sah dan kuat. Kekuatan ini sekurang-kurangnya meletakkan Madinah berada pada zon selamat apabila ia tidak boleh lagi secara mudah diceroboh oleh mana-mana kuasa luar ekoran terdapatnya status kedaulatan pada negara berkenaan.

1.3.12 Mempertahan Prinsip Kedaulatan

Strategi ini amat penting dikemukakan bagi meraih kepercayaan rakyat jelata tentang betapa seriusnya Rasulullah (s.a.w.) dalam mempertahankan Madinah dari diperkotak-katikkan musuh. Ia dapat dibuktikan melalui pengistiharan perang oleh Rasulullah (s.a.w.) ekoran tersebar berita yang mengatakan bahawa ‘Uthmān bin ‘Affān mati dibunuh puak Quraisyh.

Latarbelakang peristiwa bermula apabila Rasulullah (s.a.w.) mengutuskan ‘Uthmān bin ‘Affān menemui pemimpin Quraisyh memaklumkan bahawa hasrat rombongan kaum muslimin yang diketuai Rasulullah (s.a.w.) memasuki Mekah hanyalah untuk menunaikan Umrah, dan bukannya atas niat ingin berperang dengan mereka.¹⁰⁸

Setelah menjelang beberapa ketika ‘Uthmān bin ‘Affān dihantar, tiba-tiba tersebar berita menyatakan bahawa beliau dibunuh oleh pemimpin Quraisyh. Rasulullah (s.a.w.) terus memanggil semua para sahabatnya lalu membuat *bāy’ah*

¹⁰⁸ al-Mubārākūriy, (1990), *op-cit*, h. 404.

al-Ridwān; antaranya satu persepakatan untuk menyerang Quraisyah bagi menuntut bela di atas kematian ‘Uthmān bin ‘Affān. Walaubagaimanapun keadaan menjadi reda semula apabila mereka mendapati ‘Uthmān bin ‘Affān masih hidup.¹⁰⁹

4

Dari peristiwa ini memberikan satu kesimpulan bahawa Rasulullah (s.a.w) telah mengambil peluang dari penahanan ‘Uthmān bin ‘Affān untuk melancarkan satu strategi iaitu mempertahankan prinsip kedaulatan dan maruah negara. Rasulullah (s.a.w) tidak akan hanya berputih mata semata-mata apabila mendapati rakyat di dalam negaranya diperlakukan musuh. Realiti ini akan menyemat perasaan kepuasan dan keyakinan rakyat jelata terhadap kepimpinan Madinah yang diterajui Rasulullah (s.a.w) dalam mempertahankan hak dan maruah kehidupan rakyat jelata. Ia sekaligus memberikan keuntungan politik dalam usaha memperkasa proses pembentukan negara.

¹⁰⁹ *Ibid.*

1.4 STRATEGI JANGKA PENDEK

Dalam usaha membentuk negara Islam, Rasulullah (s.a.w.) tidak hanya bergantung kepada strategi jangka panjang semata-mata, tetapi turut mengaplikasi beberapa strategi jangka pendek. Strategi jangka pendek bermaksud sebarang usaha dan perancangan yang dilaksanakan dengan penuh teliti dan cermat bagi mencapai matlamat yang dikehendaki, serta kejayaannya dapat diperolehi dalam tempoh yang agak singkat.¹¹⁰

Daripada kajian yang dijalankan didapati Rasulullah (s.a.w.) ada merangka beberapa strategi utama bersifat jangka pendek dalam merilisasikan usaha membentuk dan mempertahankan negara Islam. Antara yang utama ialah strategi bertahan seketika menghadapi musuh, mengeliru musuh, mengaplikasi kepakaran, mencari perlindungan, mempengaruhi *mad'ū* melalui sumbangan, melaksanakan konsep *al-tadarruj* dan mewujud dasar perwakilan dalam pentadbiran. Berikut dipaparkan analisis strategi jangka pendek Rasulullah (s.a.w.) dalam membentuk negara.

1.4.1 Bertahan Seketika Menghadapi Musuh

Mengambil sikap bertahan seketika (*defensive*), iaitu tidak melawan musuh terutama ketika Islam dalam keadaan baru diperkenalkan, manakala kaum muslimin pula belum memiliki kekuatan untuk bertindakbalas melawan ancaman musuh. Strategi ini banyak diperkenalkan Rasulullah (s.a.w) pada peringkat awal

¹¹⁰ Hajah Noresah bt Baharom, (1998), *op-cit*, h. 1304.

dakwah diperkenalkan. Realiti pada masa tersebut mendapati ramai kaum muslimin terdedah kepada tekanan, penindasan, kezaliman bahkan ada di kalangan mereka yang dibunuh oleh pemimpin-pemimpin Quraisyh.

Melalui strategi bertahan seketika ini sekurang-kurangnya mampu meredakan musuh dari terus menjadi lebih agresif seandainya kaum muslimin mengambil sikap *counter attack* ke atas mereka. Antara contoh strategi ini ialah sebagaimana yang berlaku kepada keluarga Yāsir terdiri daripada Yāsir dan isterinya; Sumayyah dan anak mereka yang bernama ‘Ammār. Ketiga-tiga mereka memeluk Islam, justeru, Abū Jahl selaku majikan mereka dengan kejam mendera keluarga Yāsir yang akhirnya menyaksikan Yāsir dan Sumayyah dibunuh. Manakala ‘Ammār pula dipaksa murtad.¹¹¹ Rasulullah (s.a.w.) yang melihat peristiwa malang itu terus bersabda dengan maksud:

“Sabarlah wahai keluarga Yāsir! Kamu semua tetap dianjikan oleh Allah dengan syurga.”¹¹²

Dalam menghadapi suasana getir ini, Rasulullah (s.a.w.) tidak bertindak ke atas Abū Jahl. Tindakan ini dilihat sebagai satu strategi supaya Abū Jahl tidak menjadi lebih rakus sehingga sanggup membunuh ‘Ammār. Kebarangkalian ini akan wujud apabila Rasulullah (s.a.w.) mengambil sikap melawan.

¹¹¹Ibn Hisyām, (1997), *op-cit*, j. 2, h. 357.

¹¹²al-Nisābūriy, 'Abd Allāh bin Muhammad bin 'Abd Allāh al-Hākim, (tt), *al-Mustadrak fi al-Sahīhain*, j. 3, Beirut: Dār al-Kitāb al-'Arabiyy, h. 383. Al-Hindiy, 'Aliy al-Muttaqiy bin Hisām al-Dīn, (1399 H), *Kanz al-'Ummāl fi Sunan al-Aqwāl wā al-Af'āl*, j. 6, Beirut,: Mu'assasah al-Riṣalah, tahnīq Bakriy Hayātiy dan Sāfiyyūt al-Saqā', no. hadis 37366, h. 142. al-Asbahāniy, Abū Na'im Ahmad bin 'Abd Allāh, (1400 H), *Hilyah al-Āwlīyā' wa Tabaqāt al-Asfiyā'*, j. 1, Mesr: Dār al-Kitāb al-'Arabiyy, h. 140.

Manakala dalam kes Bilāl ibn Rabāh,¹¹³ beliau didera dan diazab dengan cara diletakkan batu besar ke dada Bilāl oleh majikannya yang bernama Umayyah bin Khalaf. Tidak cukup dengan itu Bilāl ibn Rabāh turut dijemur di bawah panas terik matahari di tengah-tengah padang pasir yang membakar bahangnya.¹¹⁴ Namun Rasulullah (s.a.w.) yang menyaksikan persitiwa tersebut tidak memerintahkan sahabat-sahabatnya agar bertindak melawan ataupun mengambil sebarang tindakan berbentuk konfrantasi terhadap Umayyah bin Khalaf. Sebaliknya Rasulullah (s.a.w.) membiarkan Bilāl dalam keadaan sedemikian rupa sehingga dimerdekakan oleh Abū Bakr. Keadaan yang sama berlaku pada Abū Fakīhah, yang dikenali dengan gelaran Aflāh. Beliau didera oleh majikannya yang bernama 'Abd Dār dengan cara diikat kedua-dua kakinya pada seutas tali yang besar lalu beliau diheret di tengah-tengah padang pasir.¹¹⁵

Demikian juga dengan Khabbāb bin al-Arth, yang menjadi hamba kepada seorang musyrik yang bernama Umm 'Ammār binti Sibāhg al-Khazā'ah, beliau telah didera dengan berbagai-bagai cara. Antaranya ialah ditarik rambut sehingga putus, dipukul tengkuknya bertubi-tubi serta ditindih batu besar pada tubuh Khabbāb bin al-Arth sehingga beliau tidak mampu bangun.¹¹⁶ Ekoran daripada dahsyatnya tekanan yang dikenakan terhadap beliau serta kaum muslimin yang lain, lantas Khabbāb bin al-Arth datang menemui Rasulullah (s.a.w.) dan memohon supaya Rasulullah (s.a.w.) berdoa kepada Allah agar memenangkan orang-orang Islam dalam menghadapi kaum musyrikin. Mendengar permintaan tersebut, Rasulullah (s.a.w.) dalam keadaan merah padam mukanya terus

¹¹³ al-Mubārakfūriy, (1990), *op-cit*, j. 2, h. 456.

¹¹⁴ al-Maṭlabiy Muhammād bin Ishāq, (1978), *al-Sair wa al-Maghāziy*, Lubnan: Dār-Fikr, h. 156. Sila lihat juga, Ibn Hisyām, (1997), *op-cit*, h. 317.

¹¹⁵ al-Manṣūr Fūriy, (1930), *Rahmah lil- 'Ālamīn*, c.2, j.1, Janīf Bakd Budliy, h. 57.

¹¹⁶ *Ibid*, j. 1, h. 75.

menegaskan kepada Khabbāb bin al-Arth bahawa Nabi-Nabi dan umat yang terdahulu sebelum ini telah menerima ujian dan penindasan yang lebih teruk dan lebih kejam. Ada di antara mereka yang disikat tubuh badan mereka dengan sikat besi yang dipanaskan dari unggun api, sehingga luruh setiap isi daging. Bahkan ada yang dibelah kepala mereka dengan gergaji sehingga terbelah dua, namun mereka tetap istiqamah dengan Islam, seterusnya Rasulullah (s.a.w.) menasihatkan Khabbāb bin al-Arth agar tidak gopoh dalam bertindak.¹¹⁷

Apa yang jelas dari peristiwa di atas ialah Rasulullah (s.a.w.) tidak bertindak dengan menyerang maupun membala musuh-musuh yang membuli kaum muslimin. Sebaliknya Rasulullah (s.a.w.) hanya memberikan motivasi dan keyakinan kepada sahabatnya bahawa Allah (s.w.t.) tetap akan menyempurnakan agama Islam ini sehingga wujudnya keamanan dan ketenteraman yang hakiki. Di samping menasihati dan memberi perangsang kepada para sahabatnya agar tidak mudah berputus asa dan jangan sekali-kali menjadi seorang yang gopoh dalam membuat sebarang perhitungan dan tindakan. Ini kerana kemenangan tetap berpihak kepada orang-orang yang beriman.¹¹⁸

Di sini jelas menunjukkan bahawa Rasulullah (s.a.w.) mengambil pendekatan *defensive*: tidak melawan seketika sebagai satu strategi Rasulullah (s.a.w.) dalam menghadapi musuh di Mekah. Di samping itu, tersirat satu hikmat iaitu memastikan dakwah Islamiyah tidak-berkubur di pertengahan jalan ekoran penindasan berterusan seandainya Rasulullah (s.a.w) mengambil sikap *offensive*.

¹¹⁷ *Ibid.*

¹¹⁸ al-Būtiy, (1989), *op-cit*, h. 106.

dengan memerangi semula mereka dalam keadaan tidak memiliki apa-apa kekuatan.

'Imād Al-Dīn Khalīl di dalam karyanya yang berjodol *Dirāsah al-Masīrah* telah menjelaskan bahawa scandainya Rasulullah (s.a.w.) bertindakbalas ke atas pemuka-pemuka Quraiysh yang didapati mendera dan membunuh orang-orang Islam, nescaya Rasulullah (s.a.w.) dan para sahabatnya akan menerima tekanan dan penganiayaan yang lebih teruk dari yang sedia ada. Oleh yang demikian bagi mengelak agar masalah yang lebih kritikal berlaku, terutama tindakan yang lebih rakus dan kejam dari pihak kafir Quraiysh, maka mengambil sikap bertahan buat sementara waktu adalah satu strategi yang cukup baik. Bahkan strategi ini lebih menjamin *survival* dakwah pada masa-masa akan datang.¹¹⁹

Apatah lagi pada masa tersebut Islam baru saja bertapak di Mekah dan pengaruhnya masih belum kukuh dan mantap. Bahkan kekuatan Islam dan penganutnya masih berada pada paras yang ~~amat~~ minimum. Mereka masih belum mempunyai apa-apa kekuatan, terutamanya kekuatan pengaruh dan ketenteraan. Apa yang ada hanyalah kekuatan iman dan penyerahan diri kepada Allah yang menjadi motivasi *interinsik* bagi menghadapi sebarang dugaan dan tribulasi.¹²⁰ Oleh itu tindakan melawan pemuka-pemuka Quraiysh pada masa tersebut hanya memburukkan lagi keadaan serta memperlakukan dakwah Islam. Ini kerana

¹¹⁹ *Ibid*, h. 108, Khalīl, 'Imād al-Dīn, (1999), *Dirāsah al-Masīrah*, c. 1, Jordan: Dar-'Ammār, h 109.

¹²⁰ *Ibid*.

musuh-musuh Islam akan menggunakan seluruh kekuatan ketenteraan, missionari dan pengaruh yang ada untuk melenyapkan Islam.¹²¹

1.4.2 Mengeliru Musuh

4

Menyusun pergerakan mengelirukan musuh merupakan satu strategi jangka pendek perjuangan Rasulullah (s.a.w.) Sebagai contoh, ketika merancang berhijrah ke Madinah, Baginda (s.a.w.) telah keluar ke rumah Abū Bakr (M 13H) dengan tujuan memaklumkan kepada Abū Bakr menemaninya berhijrah ke Madinah. Kejadian tersebut berlaku pada pada waktu tengahari yang panas terik. Peristiwa tersebut berlaku pada 27 Shafr tahun 41 daripada perlantikan *al-Nubuwwah*.¹²² Muḥammad Abū Fāris menjelaskan bahawa tindakan Rasulullah (s.a.w.) keluar pada waktu terik matahari merupakan satu strategi yang cukup rapi bagi mengelak daripada diketahui oleh musuh yang sememangnya sentiasa memerhati daripada masa ke semasa gerak-geri Rasulullah (s.a.w.).¹²³ Mereka sudah tentu sama sekali tidak menjangka bahawa Rasulullah (s.a.w.) akan keluar pada waktu tengahari yang sememangnya bukan pada waktu untuk seseorang itu keluar ke mana-mana tempat yang dikehendaki, sebaliknya menjadi kebiasaan masyarakat Arab Quraiyah pada masa tersebut mereka akan berehat dan tidur. Seterusnya akan menyambung urusan harian pada waktu petang sehinggalah ke larut malam.

¹²¹ *Ibid.*

¹²² al-Mansūr, (1930), *op-cit*, j. 1, h. 90

¹²³ Ibn Kathīr, al-Imām Abī al-Fidā' al-Hāfiẓ, (tt), *al-Sirah al-Nabawiyah*, j. 1, tahqīq: Ahmād 'Abd Al-Bāqī, Lubnan: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 369. Abū Fāris, Muḥammad 'Abd Qādir, (1982), *al-Hijrah al-Nubuwwah*, c.1, Jordan: Dār al-Furqān, h. 37.

Dalam perkembangan berkaitan, didapati ketika Rasulullah (s.a.w.) keluar menuju ke rumah Abū Bakr, Baginda (s.a.w.) dengan menyarungkan kain tudung ke atas kepalanya dan membungkus sehingga hampir menutupi seluruh bahagian kepala Rasulullah (s.a.w.). Tindakan ini dilihat sebagai satu strategi mengelirukan musuh agar tiada seseiapun yang dapat membuat pengecaman ke atas diri Rasulullah (s.a.w.).¹²⁴ Bahkan Rasulullah (s.a.w.) memasuki rumah Abū Bakr melalui pintu belakang.¹²⁵ Kesemua tindakan-di atas merupakan usaha rapi dan tersusun Rasulullah (s.a.w) dalam mengelirukan musuh dari terus membuat pengecaman atau pemerhatian ke atas Baginda (s.a.w.).

Dalam contoh lain, ketika memulakan perjalanan hijrah, Rasulullah (s.a.w.) memerintahkan ‘Aliy bin Abiy Ṭālib supaya tidur di tempat tidur Rasulullah. Tindakan ini bagi mengalihkan tanggapan orang-orang Quraisyah yang sedang mengepung rumah Rasulullah (s.a.w.) dengan menyangka bahawa Rasulullah (s.a.w.) masih berada di dalam rumah.¹²⁶

Seterusnya ketika Rasulullah (s.a.w.) keluar bersama Abū Bakr memulakan hijrah ke Madinah, mereka berdua tidak melalui jalan utara yang menjadi jalan utama ke Madinah. Sebaliknya melalui jalan arah selatan, iaitu satu arah bertentangan menuju ke Madinah. Tindakan bijaksana Rasulullah (s.a.w.) ini merupakan satu strategi yang cukup pintar bagi mengelirukan musuh yang cuba membuat *follow-up* ke atas perjalanan Rasulullah (s.a.w.).¹²⁷ Bukan sekadar itu

¹²⁴ Ibn Sa'ad, (*tt*), *op-cit*, h. 228, Ibn Qayyim al-Jāwziyyah, (1987), *op-cit*, j. 3, h. 53-54.

¹²⁵ Ibn Kathīr, (1978), *op-cit*, j. 1, h. 369.

¹²⁶ al-Manṣūr, (1930), *op-cit*, h. 951, *Mukhtaṣär Sirah al-Rasūl*, al-Najdiy, Syāyk ‘Abd. Allāh bin Muḥammad, al-Salafiyyah, c. (1379 H), h. 167, Al-Mubārakafūriy, (1990), *op-cit*, h. 159.

¹²⁷ al-Mubārakafūriy, (1990), *ibid*, h. 159, Ibn Qayyim al-Jāwziyyah, (1987), *op-cit*, j. 3, *ibid*, h. 53, Ibn Hisyām, (1997), *op-cit*, j.2, h. 485.

sahaja, bahkan Rasulullah (s.a.w.) mengambil keputusan untuk berlindung di gua Thûr selama tiga hari berturut-turut dan tidak terus ke Madinah. Tindakan ini merupakan satu strategi yang cukup rapi dalam memastikan seandainya terdapat musuh yang cuba memintas Rasulullah (s.a.w.) di pertengahan jalan ke Madinah, sudah tentu mereka akan beredar pergi dari tempat berkenaan. Ini kerana tempoh tiga hari dirasakan sudah memadai untuk membuat pemantauan ataupun sekatan jalanraya ke atas perjalanan Rasulullah (s.a.w.).¹²⁸

Melalui kajian di atas, jelas membuktikan bahawa Rasulullah (s.a.w.) telah menyusun langkah-langkah yang penuh sistematik dan efisyen dengan menggunakan strategi mengelirukan musuh bagi memastikan kejayaan misi.

1.4.3 Mengaplikasi Kepakaran

Mengaplikasi kepakaran seseorang bermaksud usaha mengambil kesempatan dari kelebihan yang ada pada seseorang untuk mencapai kejayaan yang diharapkan. Dalam konteks perjuangan membentuk negara Islam, Rasulullah (s.a.w.) turut menjadikan strategi ini sebagai pemangkin kejayaan. Sebagai contoh, ketika Rasulullah (s.a.w.) dan Abû Bakr bersembunyi di gua Thûr, Baginda (s.a.w.) mengamanahkan anak Abû Bakr yang bernama 'Abd Allâh yang tinggal di mekah membuat laporan dari masa ke semasa terutama maklumat konspirasi pemuka-pemuka Quraisiyh yang berusaha menangkap Rasulullah (s.a.w.).¹²⁹ 'Abd Allâh bin Abû Bakr terkenal sebagai seorang pemuda

¹²⁸ Ibn Sa'ad, (tt), h. 228, Ibn Qayyim al-Jâwziyyah, (1987), *ibid*, j. 3, h. 53-54.

¹²⁹ Ibn Qayyim al-Jâwziyyah, (1987), *ibid*, j. 2, h. 485, al-Tabridhiy, Waliy al-Dîn Muhammad bin 'Abd Allâh, *Misykâh al-Mâshâbih*, al-Maktabah al-Râhimah, India, j. 1, h. 639, Ibn al-Jâwziy,

yang berilmu pengetahuan, pintar, amanah dan mempunyai jati diri yang amat tinggi.¹³⁰ Melihat kepada latarbelakang dan peribadi unggul ini, maka Nabi (s.a.w.) tidak teragak-agak untuk melantiknya sebagai pelapor maklumat semasa kepada Rasulullah (s.a.w.) yang berada di gua Thūr. Dalam pada itu, kedudukan 'Abd Allāh anak kepada Abū Bakr turut meletakkan diri 'Abd Allāh untuk lebih serius dalam melaksanakan tugas dengan lebih baik dan teliti bagi memastikan ayahnya selamat sepanjang menemani Rasulullah (s.a.w.) menuju ke Madinah.¹³¹

Dalam contoh berkaitan, Rasulullah (s.a.w.) menggunakan khidmat kepakaran 'Abd Allāh bin 'Uraīqāt, sebagai pemandu jalan semasa menuju ke Madinah. Beliau merupakan seorang yang amat berpengalaman serta mahir tentang selok-belok jalan menuju ke Madinah, samada melalui jalan biasa maupun jalan-jalan yang tidak dilalui oleh orang ramai.¹³² Walaupun 'Abd Allāh bin 'Uraīqāt merupakan seorang musyrik, namun beliau merupakan seorang yang memiliki kelayakan, kepakaran serta seorang profesional dalam kerjayanya. Daripada paparan contoh di atas, menjelaskan bahawa Rasulullah (s.a.w.) telah mengaplikasi kepakaran seseorang bagi menjayakan misi membentuk negara.

al-Imām Abiy Faraj 'Abd. Rahmān, (tt), *Kitāb al-Hadāiq fi 'Ilm al-Hadīth wa al-Zuhdiyyāt-Tahqīq*, Muṣṭafā Subkiy, Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, Lubnan, c. 3, j. 1, h. 334.

¹³⁰ al-'āni, Ziyād Mahmūd, *Asālib ak-Da'wah wa al-Tarbiyyah fi al-Sunnah al-Nabawiyyah*, Dār 'Ammār, Jordān, c. 1, (2000), h. 48.

¹³¹ *Ibid.*

¹³² Ibn Sa'ad, (tt), *op-cit*, j. 1, h. 229, Ibn Hisyām, (1997), *op-cit*, j. 2, h. 485, al-Mubārakfuriy, (1990), *op-cit*, h. 159-160

1.4.4 Mencari Perlindungan

Mencari perlindungan bermaksud usaha melindungi diri dari terus dicengkam musuh. Strategi ini amat penting dilaksanakan sebagai satu langkah mempertahankan diri dari terus digangu musuh. Ini dapat dilihat ketika Rasulullah (s.a.w.) pulang dari Tā'if menuju ke Mekah, Baginda (s.a.w) terlebih dahulu mencari seseorang yang boleh menjadi pelindung dalam mempertahankan dirinya daripada disekat atau dihalau dari memasuki Mekah. Maka Maṭ'am bin 'Adiy telah bersetuju menjadi pelindung kepada Rasulullah (s.a.w).¹³³

Beliau seorang yang memiliki reputasi, ketegasan, kedudukan serta pengaruh yang kuat di Mekah. Oleh itu, semasa mengiringi Rasulullah (s.a.w.) memasuki Mekah, Maṭ'am bin 'Adiy dengan tegas dan lantang mengulangi ucapan kepada orang ramai bahawa sesiapa yang cuba bertindak melakukan sesuatu ke atas Muhammad, maka seolah-olah orang tersebut cuba berperang dengannya. Melihat perwatakan dan sikap tegas Maṭ'am bin 'Adiy, maka tiada sesiapapun yang berani bertindak ke atas Rasulullah (s.a.w.). Akhirnya Rasulullah (s.a.w.) dapat memasuki Mekah dengan selamat.¹³⁴ Daripada peristiwa bersejarah di atas, jelas menunjukkan bahawa Rasulullah (s.a.w.) telah mengambil kesempatan dengan membentuk strategi mencari perlindungan bagi

¹³³ Berhijrah ke Taif sebagai satu kesinambungan dakwah di Mekah. Malangnya masyarakat Tā'if yang terdiri daripada kaum Baniy Saqif telah menolak dakwah Rasulullah (s.a.w.) sehingga Baginda (s.a.w.) dihalau dari bumi Tā'if. Justeru Rasulullah (s.a.w.) mengambil keputusan kembali ke Mekah. Sila lihat Qal'ājiy, Muḥammad Rawwās, (1984), *Qirā'ah Jadidah li-Sīrah al-Nabawiyah*, c. 2, Kuwait: Dār al-Buhūth al-'Imiyah li al-Nasyr wa Tāuzi', h. 98. Ibrāhiṁ 'Alīy, (1996), *Šāfiḥ al-Sīrah al-Nabawiyah*, c. 2, Jordan: Dār al-Nafā'is, h. 192. al-Būtiy, (1989), *op-cit*, 145.

¹³⁴ Ibn Athīr, Abd. Wāhid al-Syaibāniy, (1979), *al-Kāmil fī al-Tārikh*, j. 2, Beirut: Dār Ṣādir, h. 88, Ibn Sa'ad, (tt), *op-cit*, j. 1, h. 212. Al-Mubārakafūriy, (1990), *op-cit*, h. 153.

menjayakan proses mempertahankan dirinya dari ancaman musuh, seterusnya memungkin Baginda (s.a.w) meneruskan usaha membentuk negara.

1.4.5 Mempengaruhi *Mad'ū* Melalui Sumbangan

4

Strategi penting yang dilaksanakan oleh Rasulullah (s.a.w.) dalam usaha memantapkan kedudukan negara Islam di antaranya ialah mempengaruhi *mad'ū* dengan sumbangan kebajikan. Strategi ini bukan sahaja tertumpu kepada kaum muslimin semata-mata, tetapi turut melibatkan mereka yang bukan Islam. Ia dilaksanakan sebagai satu cara untuk memikat mereka kepada Islam. Sumbangan kebajikan tersebut meliputi bantuan kewangan, makanan, minuman, pakaian dan lain-lain lagi.¹³⁵ Ia dapat dibuktikan melalui beberapa contoh, ketika di Madinah, Rasulullah (s.a.w.) memberikan sumbangan berupa kewangan kepada pengusa Mekah yang pada masa itu di bawah pimpinan Abū Sufyān bin Ḥarb. Sumbangan tersebut diberikan ekoran kemelesetan ekonomi yang sedang melanda Mekah.

Wakil Rasulullah (s.a.w.) yang bernama ‘Abd Allāh bin ‘I-Qamah al-Khuzā’ie diberi amanah menyampaikan bantuan Rasulullah (s.a.w.) kepada Abū Sufyān. Sumbangan tersebut bertujuan menampung kehidupan harian, terutamanya fakir miskin di Mekah yang amat tertekan dengan kegawatan ekonomi. Melalui sumbangan kebajikan tersebut bukan sahaja dapat membantu ekonomi masyarakat Mekah, bahkan dapat mencuit perhatian masyarakat musyrikin Mekah untuk melihat keindahan pentadbiran Islam. Ini dapat dibuktikan dengan *respon* Abū Sufyān yang amat tergamam ketika menerima

¹³⁵ al-‘Āniy, Ziyād Mahmūd, (2000), *Asālib al-Da’wah wa al-Tarbiyyah fi’ al-Sunnah al-Nabawiyyah*, c. 1, Jordan: Dār ‘Ammār, h. 186.

sumbangan tersebut sambil mengeluarkan ucapan yang bermaksud bahawa orang-orang Quraisyah sentiasa berusaha memburu Muhammad untuk membunuhnya, akan tetapi beliau pula yang telah menghantar bantuan untuk meringankan beban hidup masyarakat Mekah.¹³⁶ Peristiwa ini telah menjadi salah satu punca bagi Abū Sufyān memeluk Islam pada tahun yang ke 10 Hijrah.¹³⁷

Dalam perkembangan lain, Rasulullah (s.a.w.) memberikan layanan yang baik dan istimewa kepada Saffānah binti Ḥātim al-Ṭā'īe. Beliau seorang musyrik yang menjadi tawanan perang ekoran kekalahan pasukan musyrikin di dalam satu peperangan. Rasulullah (s.a.w.) selain membebaskan beliau dari menjadi tawanan perang, turut membekalkan kepada Saffānah binti Ḥātim al-Ṭā'īe keperluan asas seperti pakaian, wang, minuman serta makanan yang banyak. Lalu dihantar Saffānah binti Ḥātim al-Ṭā'īe kepada saudaranya yang bernama ‘Adiy bin Ḥātim al-Ṭā'īe yang terkenal seorang yang sangat anti Islam pada masa tersebut¹³⁸. Melihat layanan serta sumbangan bantuan tersebut, telah berjaya menarik minat ‘Adiy bin Ḥātim al-Ṭā'īey kepada kepada Islam. Selang beberapa ketika, ‘Adiy bin Ḥātim al-Ṭā'īey bermusafir ke Madinah untuk bertemu Rasulullah (s.a.w.) lantas memeluk Islam.¹³⁹

Selain itu, Rasulullah (s.a.w.) turut memberikan sumbangan kebajikan berupa kewangan kepada Ṣafwān bin Umayyah. Beliau merupakan tawanan perang ekoran kekalahan musyrikin di medan perang Hunāyn. Rasulullah (s.a.w.)

¹³⁶ 'Aliy al-Muttaqī bin Hisām al-Dīn, (1399H), *op-cit*, j. 5, h 42.

¹³⁷ al-'Āniy, (2000), *op-cit*, h. 57

¹³⁸ al-Bannā, Ahmad bin 'Abd. Rahmān, *Al-Fath al-Rabbāniy li Tartib Musnad al-Imām Ahmad bin Hanbal al-Syaibāniy*, Dār al-Hadith, al-Qaherah, j. 21, h. 189-191.

¹³⁹ *Ibid.*

membebaskan Ṣafwān bin Umayyah serta memberikan kepadanya sejumlah wang yang banyak dan juga barang-barang keperluan asas untuk memudahkan Ṣafwān bin Umayyah meneruskan kehidupan. Ṣafwān bin Umayyah amat terharu sebaik saja menerima sumbangan tersebut serta mulai kagum dan tertarik dengan keindahan Islam. Terus dalam masa yang sama beliau menemui Rasulullah (s.a.w.) dan mengucap dua kalimah syahadah.¹⁴⁰

Daripada susun galur peristiwa di atas, dapat disimpulkan bahawa Rasulullah (s.a.w.) telah menggunakan sumbangan kebajikan sebagai satu strategi memperkuuhkan sokongan masyarakat terhadap usaha Rasulullah (s.a.w) membentuk negara. Ataupun setidak-tidaknya mereka yang menerima sumbangan Rasulullah (s.a.w.) tidak akan bersikap agresif menentang Islam. Realiti ini menjadikan Madinah menjadi lebih aman dan tenteram. Suasana yang kondusif ini sudah pasti memudahkan Rasulullah (s.a.w.) dan para sahabat memberikan perhatian ke arah memajukan negara.

1.4.6 Melaksana Konsep *Al-Tadarruj*

Melaksanakan konsep *al-tadarruj* dalam konteks dakwah bermaksud proses yang dijalankan secara beransur-ansur dalam menyebar dan memahamkan masyarakat kepada Islam. Ia dilakukan kerana merilisasikan realiti semasa masyarakat, di samping mengambil kira faktor-faktor tertentu seperti *maslahah* semasa, *maṣāliḥ al-mursalah*, *al-istihsān* dan *sad al-dharā'i*.¹⁴¹

¹⁴⁰ *Ibid.*

¹⁴¹ Bck, Muhammad Khuḍariy, (1967), *Tārīkh al-Tasyrī' al-Islāmiy*, Beirut: Dār al-Fikr, h. 18 (*maṣāliḥ al-mursalah* bererti persoalan yang tidak ada nas tapi ada padanya maslahah dan kebaikan untuk manusia, maka harus diwujudkan hukum yang bersesuaian bagi memastikan

Konsep ini juga diaplikasikan Rasulullah (s.a.w.) sebagai satu strategi dakwah. Sebagai contoh, ketika dakwah di peringkat *Makkiyyah*.¹⁴² sasaran dakwah hanya difokuskan kepada ahli keluarga terdekat. Ia dimulakan dengan isteri Rasulullah (s.a.w.), Khadijah binti Khuwāylid.¹⁴³ Seterusnya *tadarruj* dakwah disampaikan kepada Zāyd bin Harithah, iaitu khadam Khadijah yang akhirnya menjadi anak angkat Rasulullah (s.a.w.). Kemudian disusuli pula dengan sepupu Rasulullah (s.a.w.) iaitu ‘Aliy bin Abiy Tālib. Kesemua mereka memeluk Islam melalui dakwah yang dijalankan oleh Rasulullah (s.a.w.) secara *al-tadarruj*. Seterusnya strategi ini terus dikembangkan kepada sahabat-sahabat Rasulullah (s.a.w.). Ia dimulakan dengan seorang yang paling kanan iaitu Abū Bakr al-Siddīq. Menurut pendapat Shāykh al-Manṣūfūriy, Abū Bakr al-Siddīq merupakan seorang sahabat Rasulullah (s.a.w.) yang amat baik semenjak belum Islam dan beliau merupakan orang pertama yang memeluk Islam di kalangan yang bukan ahli keluarga Rasulullah (s.a.w.).¹⁴⁴

Setelah mendapat sambutan baik daripada kaum keluarga dan juga sahabat terdekat Rasulullah (s.a.w.) maka strategi *al-tadarruj* masuk ke fasa ketiga, iaitu mensasarkan dakwah kepada masyarakat luar. Ia berlangsung dalam dua peringkat, iaitu peringkat *sirriyyah* dan *jahriyyah*. *Sirriyyah* bermaksud penyebaran dakwah berlangsung secara sulit. Melalui karya-karya *Sīrah Nabawiyah*, seperti *Sīrah ibn Hisyām*, *al-Bidāyah wa al-Nihāyah al-Rahiq al-Makhtūm* beberapa nama telah dirakamkan telah memeluk Islam di peringkat

maslahah itu tercapai. *Al-istihsān* bererti berpaling seorang mujtahid dari mengamalkan kehendak-qiyas yang nyata kepada qiyas yang tersembunyi. Manakala *sad al-dharā’i* bererti menutup atau mencegah dari berlakunya sebarang keburukan. Sila rujuk Mohd Saleh Hj. Ahmad, (1999), *Pengantar Syariat Islam*, c. 1, Pustaka Hj. Abd. Majid, Kuala Lumpur, h.121.

¹⁴² Peringkat *Makkiyyah* ialah peringkat Nabi (s.a.w.) berdakwah di Mekah selama 13 tahun.

¹⁴³ al-Mubārakfūriy, (1990), *op-cit*, h. 87

¹⁴⁴ al-Manṣūr, (1930), *op-cit*, h. 1, h. 50

dakwah *sirriyah* yang berjumlah 30 orang. Antara tokoh-tokoh terbilang ialah ‘Uthmān bin ‘Affān al-Umāwy al-Zubāyr bin al-‘Awwām al-Asadiy, Ṭalḥah bin ‘Abīd Allāh, ‘Abd. Raḥmān bin ‘Aūf, Bilāl bin Rabāh al-Habshy, al-Arqam bin Abiy al-Arqam al-Makhzūmīn, ‘Abd. Allāh bin Mas’ūd al-Hazaliy, serta seorang tokoh wanita Islāmi terkenal iaitu Fāṭimah binti al-Khattāb, iaitu adik kepada ‘Umar al-Khattāb.¹⁴⁵

Menjelang tahun keempat, dakwah Rasulullah (s.a.w.) mula beroperasi secara *al-jahriyyah*, iaitu secara terang-terangan sehingga menembusi luar Mekah¹⁴⁶. Ini dibuktikan apabila operasi dakwah mula sampai ke Habsyah dan juga Taif. Bagi tujuan itu, Rasulullah (s.a.w.) mewakilkan sepupunya Ja’far bin Abiy Ṭālib berdakwah kepada Raja Habsyah, iaitu al-Najāsyiy. Rombongan Ja’far bin Abiy Ṭālib berangkat dari Mekah menuju ke Habsyah dengan diiringi seramai 80 orang pendakwah lain.¹⁴⁷

Dari kajian ini jelas menunjukkan bahawa Rasulullah (s.a.w.) menggunakan strategi *al-tadarruj* dalam berdakwah dengan mensasarkan dakwah mengikut keutamaan dan keperluan semasa. Ini terbukti apabila dakwah di peringkat pertama disasarkan kepada seseorang yang paling hampir dengan Rasulullah (s.a.w) iaitu isteri Rasulullah (s.a.w.). Ia diikuti dengan fasa kedua yang terdiri dari kalangan sahabat utama Rasulullah (s.a.w.) Kemudian masuk ke fasa ketiga iaitu kepada masyarakat awam dan terus dilebarkan ke fasa keempat iaitu ke negara luar seperti Habsyah dan Taif. Kemajuan ini membuktikan

¹⁴⁵ al-Mubārakfūry, (1990), *op-cit*, h. 87-88.

¹⁴⁶ *al-Da’wah al-jahriyyah* bermaksud dakwah secara terbuka/terang-terangan. Ia bermula pada tahun keempat siri dakwah Rasulullah (s.a.w.) apabila Allah (s.w.t.) memerintahkan agar dakwah mulai saat tersebut mestilah diwarwarkan secara terbuka.

¹⁴⁷ Ibn Kathīr, (tt), *op-cit*, j. 2, 10-11, Ibrāhīm ‘Aliy, (1996), *op-cit*, 73.

kebijaksanaan Rasulullah (s.a.w.). dalam ilmu *management of planning* dalam mencapai misi dakwah, di samping mempercepatkan proses pembentukan negara.

Melalui kajian yang dijalankan didapati bahawa strategi *al-tadarruj* tidak hanya tertumpu dalam konteks menyebarkan Islam semata-mata, malah turut diaplikasikan ketika melaksana syariah. Menurut analisa yang dibuat oleh al-Syātiby, menjelaskan bahawa hukum pertama yang disyariatkan di Mekah hanyalah melibatkan prinsip-prinsip asas serta sebilangan kecil hukum-hukum cabang sahaja.¹⁴⁸ Umpamanya tuntutan agar beriman kepada Allah, Rasul dan juga hari akhirat, berbelanja di jalan Allah, larangan dari kekufuran dan perkara-perkara yang berhubung kait dengannya seperti haram memakan binatang yang disembelih untuk tujuan pemujaan.¹⁴⁹ Selain itu, syariat juga memerintahkan agar berakhlik dengan akhlak-akhlak yang terpuji seperti berlaku adil, bersifat ehsan, menunaikan janji, memberi kemaafan, berpaling dari orang-orang yang jahil, menolak hujah musuh dengan cara yang baik, bersabar dan bersyukur.¹⁵⁰ Pendek kata, hukum-hukum yang diturunkan di Mekah adalah berkaitan dengan persoalan akidah, akhlak dan syariah yang membabitkan cara hidup seseorang secara individu, berkeluarga dan bermasyarakat sahaja. Skop yang terhad ini sejajar dengan umur Islam yang masih muda serta tidak memiliki apa-apa kuasa pemerintahan.

¹⁴⁸ al-Syātiby, Ibrāhīm bin Mūsā, (1969), *al-Muwāfaqāt fī Usūl al-Syarī'ah*, j. 3, tahrīq, Syāykh 'Abd Allāh Darrāz, Beirut: Dār al-Kutub 'Ilmiyyah, h. 33. Badrān, Abū al-'Ain-Nai-Nin, (tt), *Usūl Fiqh*, Dār al-Ma'ārif, Beirut, h. 36-37

¹⁴⁹ *Sūrah al-'An'ām*, (6) :145.

¹⁵⁰ *Surah al-Mā'idah*, (5) : 3.

Walaubagaimanapun apabila Rasulullah (s.a.w.) berkuasa di Madinah, hukum syariah ditegakkan oleh Rasulullah (s.a.w.) sehingga mencakupi segala bidang kehidupan termasukkah memperkenalkan syariah dalam skop ekonomi, kenegaraan, perundangan, hubungan antarabangsa, hudud dan lain-lain lagi.¹⁵¹

;

Perlaksanaan Islam melalui strategi *al-tadarruj* mempunyai hikmahnya tersendiri. Antara lain scandainya Rasulullah (s.a.w.) terus melaksanakan syariah Islam secara sekali gus, walhal dalam keadaan belum mempunyai pengikut yang ramai, pengaruh yang belum berakar umbi, ketiadaan kuasa pemerintahan dan lain-lain lagi, maka sudah tentu usaha melaksanakan syariah Islam akan mengalami kegagalan. Ini kerana selain akan mendapat tentangan habis-habisan dari golongan yang menentang Islam, maka masyarakat Jahiliah yang sebelum ini dianggap sudah sebat dengan budaya hidup syirik dan kufur, tidak mudah untuk mereka menerima syariah Islam kecuali dibentangkan Islam kepada mereka secara beransur-ansur. Justeru, perlaksanaan syariah melalui strategi *al-tadarruj* akan memudahkan mereka menerima syariah Islam. Ia terbukti apabila Rasulullah (s.a.w.) hanya perlu mengambil masa sepuluh tahun sahaja memperkenal dan melaksana keseluruhan syariah Islam di Madinah.

Dalam memperkuatkan analisis ini, dinukilkkan pandangan Yüsuf al-Qarađawiy yang menjelaskan bahawa proses perlaksanaan Islam yang berlaku secara *al-tadarruj* bolehlah dilihat sebagai satu strategi ke arah yang lebih luas dan mencabar. Sekiranya ingin menegakkan masyarakat dan dawlah Islam yang hakiki, maka jangan disangka ia dapat ditegakkan hanya melalui tulisan pena,

¹⁵¹ Hayyi, Muhammad Hasan, (1987), *Madkhal min ta'liqāt al-Uṣūl*, c. 3, Dār al-Fikr, Dimasyk, h. 89. al-Syaṭibiy, Ibrāhim bin Mūsā, (1969), *op-cit*, j. 3, h. 77-78

perintah raja, ketua negara, majlis pemerintah ataupun parlimen. Sebaliknya mestilah dibina melalui jalan beransur-ansur dengan memahamkan Islam kepada mereka. Ini termasuklah menyediakan persiapan pemikiran, psikologi, akhlak dan juga kemasyarakatan. Persoalan terburu-buru ingin melaksanakan Islam dengan mengabaikan aspek-aspek di atas, maka hendaklah dihindarkan.¹⁵²

Manakala bagi 'Abd al-Karīm Zāydān menegaskan bahawa persoalan *al-tadarruj* berkait dengan rapat dengan *maṣlahah* dan menghindarkan kemudaratan. Seandainya faktor *al-tadarruj* tidak diambil kira dalam berdakwah dan ketika melaksana syariah, maka ia boleh merosakkan imej Islam secara keseluruhannya.¹⁵³

Kesimpulannya strategi *al-tadarruj* yang dilaksanakan Rasulullah (s.a.w.) samada ketika berdakwah maupun melaksanakan syariah merupakan satu strategi penting dalam usaha mewujudkan matlamat membentuk negara.

1.4.7 Mewujud Perwakilan

Mewujud perwakilan bermaksud Rasulullah (s.a.w.). terlebih dahulu menghantar seseorang maupun sekumpulan manusia ke sesuatu tempat bagi tujuan tertentu samada berdakwah ataupun perundingan. Strategi ini dirangka bertujuan memudahkan Rasulullah (s.a.w.). untuk membuat apa-apa tindakan susulan serta membentuk apa-apa pendekatan yang dikira sesuai berdasarkan

¹⁵² al-Qaraḍawiy, Yūsuf, (1986), *al-Khaṣā'is al-'Āmmah lil Islām*, Meşr: Maktabah Wahbah, h. 164

¹⁵³Zāydān, 'Abd al-Karīm, (1987), *al-Wajīz fi Uṣūl al-Fiqh*, Beirut: Mu'assasah al-Risālah, h. 378.

sekumpulan sahabat yang diketuai oleh ‘Aliy bin Abī Tālib ke Habsyah. Kehadiran rombongan ini untuk memperkenalkan Islam kepada rakyat Habsyah yang dipimpin oleh al-Najāsiy. Tindakan mengutus ‘Aliy bin Abiy Tālib merupakan satu proses wakilan Rasulullah (s.a.w.) untuk meninjau suasana di Habsyah, seterusnya melaporkan perkembangan kepada Rasulullah (s.a.w.) Pendekatan ini memudahkan Rasulullah (s.a.w.) merangka tindakan susulan bagi memastikan kejayaan misi dakwah.

Begitu juga semasa persiapan berhijrah ke Madinah, Rasulullah (s.a.w.) turut menggunakan pakai kaedah wakilan dengan mengutus Mas’ab bin ‘Umāyr terlebih dahulu ke sana bagi tujuan menyebar Islam kepada masyarakat Madinah. Hasilnya didapati majoriti masyarakat Aūs dan Khazraj memeluk Islam. Ia sekaligus memudahkan proses pembentukan negara Islam Madinah. Ini dapat dibuktikan dengan masyarakat Madinah memberikan sambutan paling meriah ketika menyambut kehadiran Rasulullah (s.a.w.) dan Abū Bakr di Madinah. Seterusnya membuka ruang kepada Rasulullah (s.a.w.) membentuk negara Islam Madinah dengan mendapat kerjasama dari penduduk tempatan.¹⁵⁴ Kesimpulanya strategi perwakilan yang dilaksanakan Rasulullah (s.a.w.) telah mempercepatkan proses perkembangan dakwah dan usaha membentuk negara.

¹⁵⁴ *Sahih Muslim*, Muslim kitab Hudud, *op-cit*, no hadis, 1709, Ibn Hisyām, (1997), *op-cit*, j. 1, h. 433, Ibn Kathir, (tt), *al-Sirah al-Nabawiyah*, *op-cit*, j. 2, h. 179.

1.5 KESIMPULAN BAB

Bagi mengakhiri perbincangan strategi Rasulullah (s.a.w.) dalam membentuk sebuah negara, maka dapatlah disimpulkan bahawa sememangnya Rasulullah (s.a.w.) ada menyediakan suatu strategi penting ke arah membentuk sebuah negara. Strategi tersebut merangkumi dua peringkat iaitu jangka panjang dan jangka pendek. Keistimewaan semua strategi-strategi yang dilaksanakan Rasulullah (s.a.w.) membawa hasil kejayaan yang cemerlang. Kemuncak kejayaan strategi-strategi tersebut ialah sebuah negara Islam berjaya ditegakkan di *al-Madinah al-Munawwarah*. Ia menjadi lebih cemerlang apabila proses ini berlaku dalam masa yang singkat sahaja iaitu 23 tahun sahaja. Ia tidak pernah berlaku pada mana-mana sejarah tamadun kemanusiaan samada pada zaman klasik maupun moden.